

LAPORAN TAHUNAN

# PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

# 2017







# ISI KANDUNGAN




04-12
- PERUTUSAN PENGERUSI
- PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- LATAR BELAKANG PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)
- AKTA PSM 2010 (AKTA 717)
- KUASA PSM
- FUNGSI PSM
- MISI DAN VISI
- PIAGAM PELANGGAN

13-24 MAKLUMAT KORPORAT
- KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH PSM
  - Pengerusi
  - Ahli Lembaga
- KUMPULAN PENGURUSAN
- STRUKTUR ORGANISASI
- CARTA ORGANISASI

25-82 LAPORAN PRESTASI PSM
- AUDIT DALAM
- KHIDMAT PENGURUSAN
- PEMASARAN DAN KOMUNIKASI
- PENGURUSAN FASILITI
- CAWANGAN KL SPORTS CITY
- CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA
- CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA
- CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN SETIAWANGSA

83 PERANCANGAN MASA HADAPAN




85-88
GALERI ACARA SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017 DAN AKTIVITI PSM

89-96
ANALISA PRESTASI KEWANGAN

97-121
PENYATA KEWANGAN

122
DIREKTORI

# LATAR BELAKANG PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)





Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). PSM berfungsi mengurus dan menyelenggara kompleks dan arena sukan yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kompleks dan arena sukan yang berada di bawah pengurusan PSM bukan sahaja dibuka untuk tempahan acara sukan tetapi juga untuk acara bukan sukan seperti konsert, konvensyen, ekspo dan pameran, majlis perkahwinan dan lain-lain acara yang bersesuaian mengikut arena pilihan.

## Tahun 1963

- Perbadanan Stadium Merdeka ditubuhkan pada 26 Disember 1963 melalui Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963
- Mengurus dan menyelenggara Stadium Merdeka dan Stadium Negara
- Akta ini digunapakai sehingga 28 Februari 2011



## Tahun 1998

- Mulai Julai 1998, PSM dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil: Stadium Nasional, Stadium Putra (Axiata Arena), Stadium Hoki Nasional, Pusat Skuasy Nasional, Pusat Akuatik Nasional, Dewan Sri Putra, Bukit Komanwel, Persisiran Sungai Kuyoh, Taman Keluarga (Taman Sukan X-Treme Nasional) dan Kompleks Sukan Bukit Kiara: Stadium Juara dan Pusat Boling Padang Nasional
- Stadium Merdeka dan Stadium Negara diserahkan kepada United Engineers Malaysia (UEM)

## Tahun 2008

- November 2008, Kompleks Sukan Matsushita yang dimiliki oleh Syarikat Panasonic (Malaysia) Sdn. Bhd. diserahkan kepada PSM
- Kemudahan: mini stadium, padang bola sepak, gelanggang tenis, gelanggang sepak takraw, gelanggang bola jaring, kolam renang dan arena tertutup
- Kini dikenali sebagai Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic)







## Tahun 2009

- Mac 2009, PSM mengambil alih pengurusan Kompleks Tenis Tun Razak, Stadium Hoki Tun Razak, Pusat Skuasy Negara dan bangunan asrama yang terletak di Jalan Duta daripada Majlis Sukan Negara
- Kini dikenali sebagai Kompleks Sukan Jalan Duta

## Tahun 2010

- Akta Perbadanan Stadium Merdeka telah dikaji dan digubal semula bagi mengatasi kekangan PSM dalam menjana keuntungan dan membiayai operasi

## Tahun 2011

- Januari 2011, Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak diserahkan kepada PSM: kolam renang, asrama dan dewan serbaguna
- Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717) diguna pakai secara rasminya pada 1 Mac 2011. Nama Perbadanan Stadium Merdeka dibubarkan dan digantikan dengan Perbadanan Stadium Malaysia

## Tahun 2013

- Januari 2013, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kampung Pandan, Kuala Lumpur diserahkan kepada PSM
- PSM hanya menguruskan kompleks ini sehingga April 2016 sahaja dan kompleks ini kemudiannya diserahkan kepada Majlis Sukan Negara

## Tahun 2015

- April 2015, Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari Gambang diserahkan kepada PSM

## Tahun 2016

- April 2016, PSM menyerahkan Kompleks Sukan Kampung Pandan kepada Majlis Sukan Negara dan mengambil alih pengurusan Kompleks Sukan Setiawangsa daripada Majlis Sukan Negara
- Penghujung 2016, projek naik taraf KL Sports City Fasa 1 bermula secara berperingkat. Fasa 1 merangkumi kerja-kerja naik taraf bagi persediaan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9

## Tahun 2017

- Stadium Putra dikenali sebagai Axiata Arena melalui perjanjian *Naming Rights* antara PSM dengan Axiata Group Berhad selama 10 tahun
- Kerja-kerja naik taraf Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil berjalan sepenuhnya
- Nama Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil ditukarkan kepada KL Sports City
- Kerja-kerja naik taraf siap sepenuhnya pada Julai 2017
- Kemudahan baharu yang disediakan: trek larian dan berbasikal di sekeliling Stadium Nasional; gelanggang futsal, *skate park*, gelanggang bola keranjang, gimnasium dan tempat permainan kanak-kanak di kawasan Plaza serta laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan stesen LRT Bukit Jalil ke Stadium Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Axiata Arena.


















Arena yang diuruskan oleh PSM:

**KL SPORTS CITY**
Stadium Nasional
Axiata Arena
Pusat Akuatik Nasional
Stadium Hoki Nasional
Pusat Skuasy Nasional
Dewan Sri Putra

**KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA**
Stadium Juara
Pusat Boling Padang Nasional

**KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA**
Pusat Tenis Nasional
Stadium Hoki Tun Razak
Pusat Skuasy Jalan Duta

**KOMPLEKS SUKAN SETIAWANGSA**
Stadium Mini
Kolam Renang
Dewan Serbaguna

**KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (PANASONIC)**
Stadium Mini
Gelanggang Tenis
Gelanggang Sepak Takraw
Gelanggang Bola Jaring
Gelanggang Futsal
Kolam Renang
Dewan Serbaguna

**PUSAT KECEMERLANGAN AKUATIK KUCHING, SARAWAK**
Kolam Renang
Asrama
Dewan Serbaguna

**AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA MOKHTAR DAHARI GAMBANG**
Padang Bola Sepak
Bangunan Pentadbiran




AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA
MOKHTAR DAHARI
GAMBANG

















# AKTA PERBADANAN STADIUM MALAYSIA 2010 (AKTA 717)

Perbadanan Stadium Malaysia merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang telah ditubuhkan menurut undang-undang Malaysia iaitu Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717). Tujuan penubuhan Perbadanan Stadium Malaysia adalah untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks sukan dan kemudahan sukan, dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya.
















# FUNGSI PSM

Menurut Akta PSM 2010 (Akta 717), seperti yang terkandung dalam Bahagian II Seksyen 4, fungsi penubuhan PSM adalah seperti yang berikut:

- Menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyelenggara stadium;
- Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium oleh mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, mengikut terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- Melaksanakan dasar dan program pembangunan bagi menjamin daya maju stadium;
- Menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium;
- Memaju dan menambah baik stadium dan untuk menyediakan dan melengkapkan stadium dengan loji, jentera, kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan;
- Bekerjasama dan membuat perkiraan dengan mana-mana orang yang berminat dalam pembangunan kemudahan sukan di stadium, dan jika sesuai, di tempat lain untuk pembangunan kemudahan sukan yang sama
- Mempromosi stadium pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai suatu tempat serbaguna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial dan hiburan dan acara-acara lain yang difikirkan wajar oleh Perbadanan;
- Memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan
- Membangun dan menyediakan apa-apa kemudahan dan perkhidmatan yang bersifat komersial termasuk tempat penginapan;
- Menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

# KUASA PSM

Seperti yang terkandung dalam Bahagian II, Seksyen 5 Akta PSM 2010 (Akta 717), kuasa PSM adalah seperti yang berikut:

(1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang sesuai manfaat atau yang secara munasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan perjalanan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa untuk:

- Menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti yang bersifat komersial yang ia fikir perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- Mengambil inisiatif dan membuat kajian mengenai kemungkinan pembangunan dan pembangunan semula stadium dan untuk mencadangkan pelan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula serta kaji selidik untuk menentukan sama ada pengusahaan dan pelaksanaan pembangunan atau pembangunan semula stadium itu boleh dilaksanakan;
- Membina apa-apa bangunan atas apa-apa harta tak alih Perbadanan dan menyediakan serta menyiapkan harta itu untuk acara sukan, permainan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan yang bersesuaian atau mudah untuk diadakan di situ, untuk menyediakan astaka, gimnasium, ruang hidangan ringan, kedai, gerai, tandas dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan yang difikirkan patut oleh Perbadanan dan untuk menyenggara atau membina semula apa-apa bangunan yang terdapat di atas tanah Perbadanan;
- Mengadakan atau menggalakkan apa-apa sukan, permainan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan, dan untuk memberikan dan menyumbang hadiah, anugerah dan pengiktirafan;
- Mengusahakan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan aktiviti, perkhidmatan dan perkara lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium, dan untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan;
- Bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, atau selainnya bertindak secara bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing bagi tujuan pembangunan kemudahan dan perkhidmatan stadium;
- Menghubungi mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing secara langsung atau tidak langsung, bagi menggalakkan pelaburan dalam pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium;
- Berhubung dan bekerjasama denga pihak berkuasa negeri berkenaan dengan aktiviti yang berkaitan dengan stadium;
- Memohon bagi dan menerima pemberi milikan tanah untuk pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium; dan
- Melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkan patut bagi maksud melaksanakan fungsinya.

# VISI

Menjadikan arena-arena di bawah pengurusan PSM sebagai pilihan utama penganjuran acara sukan dan bukan sukan di rantau ini.






# MISI

Menyediakan fasiliti dan perkhidmatan bertaraf dunia serta memberikan pengalaman pengguna yang sempurna

Mempamerkan pelbagai kandungan aktiviti berbentuk sukan, hiburan dan pendidikan

Menyediakan platform pemasaran dan penyelidikan untuk industri sukan dan pelancongan

Mempromosi gaya hidup yang sihat kepada masyarakat

# PIAGAM PELANGGAN

**Memastikan** setiap aduan biasa yang diterima oleh PSM diselesaikan dalam tempoh tiga (3) hingga tujuh (7) hari;

**Memastikan** setiap aduan yang diterima melibatkan pihak berkuasa tempatan/ketiga diselesaikan dalam tempoh 60 hari;

**Memastikan** pembayaran bil kepada pelanggan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas menerima dokumen yang lengkap;

**Memastikan** proses tempahan *venue* selepas dokumen lengkap diterima dapat dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja; dan

**Mencapai** kepuasan pelanggan melebihi 70%



# MAKLUMAT KORPORAT

# PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan Taufik, Hidayah dan IzinNya jua maka dapatlah Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2017. Laporan ini memaklumkan mengenai pencapaian pelaksanaan tugas dan fungsi PSM untuk sepanjang tahun 2017.

Bagi pihak semua ahli Lembaga Pengarah PSM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kerana telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan tugas sebagai Ahli Lembaga Pengarah PSM untuk sepanjang tahun 2017. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pengurusan dan kakitangan PSM serta semua pihak yang terlibat di atas kerjasama erat yang telah diberikan dalam sama-sama menaikkan nama dan prestasi PSM. Saya berharap kerjasama seumpama ini dapat diteruskan di masa akan datang untuk menjamin segala tugas dan fungsi PSM berjalan dengan sempurna dan efisien.

Setelah hampir 20 tahun, berlaku perubahan atau transformasi yang amat ketara kepada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) apabila memasuki era rejuvenasi ke arah membangunkan KSNBJ sebagai KL Sports City. Projek yang dilaksanakan mulai penghujung tahun 2016 dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2017 adalah suatu hasil yang amat membanggakan warga PSM dan seluruh rakyat Malaysia. KSNBJ yang dahulunya hanya dibina untuk penganjuran acara kini diperluaskan fungsinya menjadi pusat rekreasi untuk berjoging, berbasikal, bermain *skate*, bermain futsal dan bola keranjang oleh semua peringkat umur.

Selari dengan kecanggihan teknologi peralatan baharu, PSM telah menyelaraskan kursus dan latihan kepada kakitangan bagi menjadikan kakitangan lebih kompeten dalam menguruskan peralatan baharu dan tugas yang diberikan. Apa yang pasti penganjuran acara sama ada sukan atau bukan sukan perlu dipertingkatkan dan dirancakkan lagi.

PSM juga tidak hanya tertumpu kepada hasil sewaan acara sahaja tetapi telah mempelbagaikan cabang penjanaan hasil iaitu dengan turut merancakkan aktiviti perniagaan dan penajaan yang salah satunya ialah *Naming Rights*. Hasil daripada *Naming Rights* Axiata Arena sahaja menyumbang melebihi RM5 juta setahun tidak termasuk hasil perkongsian dengan syarikat Panel PSM serta sewaan perkongsian Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic) dan Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak.

Untuk menjadi sebuah organisasi pengurusan *venue* yang terbaik dengan pulangan hasil yang membanggakan, PSM perlu terus bergerak aktif dan efisien dalam mengenalpasti






idea dan peluang baharu untuk dilaksanakan selain konsisten dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak yang menggunakan fasiliti dan kemudahan di semua *venue* PSM. Saya yakin dengan kekuatan pengurusan yang ada sekarang mampu untuk melonjakkan nama PSM ke peringkat yang lebih tinggi.

Dengan prestasi yang begitu baik serta perubahan-perubahan positif yang ditunjukkan akan membolehkan PSM terus melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, saya dan barisan Ahli Lembaga Pengarah PSM sentiasa mengharapkan yang terbaik kepada PSM. Harapan kami agar PSM akan menjadi hab sukan dan bukan sukan pilihan utama penganjuran pelbagai acara yang tersohor satu hari nanti.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI MOHAMAD SAHFRI AB AZIZ

Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia




**Setelah hampir 20 tahun, berlaku perubahan atau transformasi yang amat ketara kepada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) apabila memasuki era rejuvenasi ke arah membangunkan KSNBJ sebagai KL Sports City. Projek yang dilaksanakan mulai penghujung tahun 2016 dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2017 adalah suatu hasil yang amat membanggakan warga PSM dan seluruh rakyat Malaysia.**

DATO' HAJI MOHAMAD SAHFRI AB AZIZ
Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera

Sekalung penghargaan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Laporan Tahunan 2017. Saya amat bersyukur dan berbangga dengan perkembangan dan kejayaan yang telah dikecapi oleh PSM sepanjang tahun 2017. Laporan ini merupakan wadah yang memaparkan pelbagai program dan aktiviti PSM.

Pada tahun 2017, seluruh rakyat Malaysia dapat menyaksikan wajah baharu Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) yang kini dikenali sebagai KL Sports City (KLSC). Hampir keseluruhan kemudahan dan fasiliti di KSNBJ merangkumi Stadium Nasional, Axiata Arena, Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional dan Stadium Hoki Nasional telah dinaik taraf bagi menepati piawaian Persekutuan Sukan Antarabangsa sebagai persediaan mengacarakan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9. Projek naik taraf ini merupakan projek naik taraf KL Sports City Fasa 1 yang melibatkan perbelanjaan yang agak besar. Projek ini dikendalikan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) iaitu Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dengan penglibatan arkitek terkemuka yang pakar dalam pembinaan dan pengubahsuaian stadium iaitu Populous. Selain KL Sports City, beberapa *venue* lain yang turut terlibat dalam temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 juga turut dinaik taraf seperti Kompleks Sukan Bukit Kiara, Pusat Tenis Nasional Jalan Duta dan Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic).

Projek Fasa 1 KL Sports City ini turut menampilkan konsep mesra rakyat iaitu dengan pembangunan kemudahan rekreasi untuk kegunaan semua lapisan masyarakat termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) seperti trek larian dan berbasikal di sekeliling Stadium Nasional, kawasan Plaza yang dilengkapi dengan gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang, *skate park*, gimnasium, tempat permainan kanak-kanak serta laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungi stesen LRT Bukit Jalil dengan Stadium Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Axiata Arena. Kawasan landskap juga telah ditambah sebanyak 25% dengan lebih 62 jenis pokok yang ditanam untuk menjadikan persekitaran KL Sports City lebih mesra alam dan menambah kesegaran udara untuk pengguna. Stadium Nasional dan Axiata Arena juga dilengkapi dengan lampu fasad jenis LED di bahagian luar bangunan yang menambahkan lagi keunikan kedua-dua stadium ini terutamanya pada waktu malam. Projek ini siap sepenuhnya pada bulan Julai 2017.

Pada tahun ini juga, kejayaan KSNBJ menjadi *venue* utama Sukan Komanwel 1998 berulang kembali apabila telah menjadi *venue* utama penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9. PSM juga telah menjalinkan usaha sama dengan beberapa jenama ternama seperti Seiko (melalui Innotex System Sdn. Bhd. untuk sistem masa dan pemarkahan, L Acoustics / Sennheiser (melalui AFS Engineering Sdn. Bhd.) untuk sistem audio, Samsung (melalui Sports Spin Sdn Bhd.) untuk sistem visual, Dulux (melalui Akzonobel Paints (M) Sdn. Bhd) untuk cat, Bosch (melalui Virtue Integrated Sdn. Bhd.) untuk sistem kamera litar tertutup supaya pengunjung dan pengguna KL Sports City dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik dan bertaraf antarabangsa. PSM juga telah berjaya mendapatkan satu lagi penajaan bagi KL Sports City selepas *Naming Rights* Axiata Arena iaitu F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (100Plus) untuk tempoh selama lima (5) tahun dan memberikan pulangan hasil sebanyak RM1 juta pada setiap tahun. PSM juga telah bekerjasama dengan pihak Edotco Malaysia bagi memastikan sistem telekomunikasi terutama sekali di KL Sports City dapat memberi perkhidmatan internet yang terbaik dan memudahkan pihak media membuat liputan secara langsung serta orang ramai dapat memuat naik suasana atau aksi mereka di laman media sosial dengan lancar. PSM juga telah memperkenalkan perkhidmatan panel kontraktor selepas berakhirnya temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang bertujuan untuk memastikan semua kemudahan dan fasiliti PSM sentiasa terjaga serta dapat memudahkan para penganjur untuk menyelaraskan acara memandangkan hampir semua perkhidmatan dapat disediakan. Semua panel yang dilantik juga sedia maklum dan memahami syarat serta peraturan keselamatan stadium yang memudahkan pihak penganjur dan PSM untuk berurusan.

Walaupun beberapa *venue* telah ditutup untuk kerja-kerja naik taraf, pendapatan PSM pada tahun 2017 telah meningkat kepada RM19,338,361 berbanding dengan RM11,700,026 pada tahun 2016. Ini juga merupakan pendapatan tertinggi sejak penubuhan PSM. Peningkatan ini adalah termasuk jumlah penajaan yang diterima pada tahun ini. Jumlah perbelanjaan juga meningkat kepada RM86,996,212 berbanding dengan tahun 2016 iaitu sebanyak RM39,601,266. Namun, peningkatan ini disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf beberapa kompleks sukan di bawah seliaan PSM bagi temasya Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur 2017. Perbelanjaan ini menggunakan dana hasil PSM sebagai tambahan kepada geran pembangunan kerajaan. Secara keseluruhannya, jumlah kurangan pendapatan selepas cukai pada tahun 2017 ialah sebanyak RM24,719,822 berbanding dengan kurangan pendapatan selepas cukai sebanyak RM14,812,920 pada tahun 2016.

PSM bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab bagi memenuhi agenda pengurusan fasiliti dan kemudahan sukan, malah turut memainkan peranan dalam meningkatkan nilai-nilai perpaduan dan kebajikan masyarakat. Melalui kerjasama dengan pelbagai pihak, PSM sentiasa menggalakkan semua warganya terlibat dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara aktif. Program-program CSR yang dijalankan merangkumi program sukan, kesihatan serta gotong–royong untuk membantu golongan yang memerlukan.

Sebagai sebuah organisasi pengurusan *venue*, adalah menjadi tanggungjawab PSM untuk memastikan setiap

perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan menepati permintaan setiap pelanggan. Justeru itu, PSM akan terus merencanakan pelbagai inisiatif untuk menarik lebih ramai pihak untuk menggunakan kemudahan dan fasiliti PSM serta terus menjana pendapatan yang lebih tinggi pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, suka saya nyatakan di sini bahawa PSM akan terus memberikan satu pencapaian yang baik walaupun dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan ekonomi negara. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Ahli Lembaga Pengarah PSM yang sentiasa memberikan sokongan, bimbingan dan sumbangan idea bernas kepada PSM. Tidak lupa juga kepada semua warga PSM yang bersama-sama saya berganding bahu untuk membawa PSM ke puncak kejayaan.

Sekian, terima kasih.

AZMAN FAHMI OSMAN
Ketua Pegawai Eksekutif



PSM bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab bagi memenuhi agenda pengurusan fasiliti dan kemudahan sukan, malah turut memainkan peranan dalam meningkatkan nilai-nilai perpaduan dan kebajikan masyarakat. Melalui kerjasama dengan pelbagai pihak, PSM sentiasa menggalakkan semua warganya terlibat dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara aktif. Program-program CSR yang dijalankan merangkumi program sukan, kesihatan serta gotong-royong untuk membantu golongan yang memerlukan

**AZMAN FAHMI OSMAN**
**Ketua Pegawai Eksekutif**

# KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH PSM

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah PSM dibuat berdasarkan Bahagian II, Fasal 6 (1), (2) dan (3), Akta PSM 2010 (Akta 717), Y.B. Menteri Belia dan Sukan diberi kuasa untuk melantik anggota Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan bertindak atas kuasa tersebut, Menteri Belia dan Sukan telah melantik 16 individu bagi memenuhi kuota Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Malaysia bagi tempoh 2017/2019 seperti yang berikut:-

| PERKARA | | BILANGAN |
|---|---|---|
| **JAWATAN** | **AGENSI** | |
| Pengerusi | Dilantik oleh Menteri daripada kalangan anggota | - |
| Ketua Pegawai Eksekutif | Wakil Perbadanan Stadium Malaysia | 1 orang |
| Kerajaan Persekutuan (Tetap) | Wakil Kementerian Belia dan Sukan<br>Wakil Jabatan Perdana Menteri<br>Wakil Kementerian Kewangan | 1 orang<br>1 orang<br>1 orang |
| Kerajaan Persekutuan (Pilihan) | Wakil Jabatan Kerja Raya<br>Wakil Majlis Sukan Negara | 1 orang<br>1 orang |
| Organisasi Sukan | Wakil Konfederasi Hoki Malaysia (MHF)<br>Wakil Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)<br>Wakil Persatuan Badminton Malaysia (BAM)<br>Wakil Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM)<br>Wakil Persatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) | 5 orang |
| Lain-lain | Wakil Korporat | 5 orang |
| Jumlah Keseluruhan | | 16 orang |



# KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH PSM



1. **YBhg. Dato' Haji Mohamad Sahfri Bin Ab Aziz**
   Wakil Korporat



2. **Encik Azman Fahmi Bin Osman**
   Ketua Pegawai Eksekutif
   Perbadanan Stadium Malaysia



3. **Encik Nik Abd Kadir Bin Nik Mohammad**
   Kementerian Belia dan Sukan

4. **YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin Bin Abu Hassan**
   Jabatan Perdana Menteri



5. **Cik Lung Sai Mei**
   Kementerian Kewangan Malaysia



6. **Tuan Ir. Johari Bin Ahmad**
   Jabatan Kerja Raya Malaysia



# KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH PSM







7. **YBhg. Dato' Haji Ahmad Shapawi Bin Ismail**
Majlis Sukan Negara Malaysia

8. **Encik George Koshy**
Konfederasi Hoki Malaysia

9. **YBhg. Dato' Sivasundaram A/L Sithamparam Pillai**
Persatuan Bola Sepak Malaysia

10. **YBhg. Datuk Ng Chin Chai**
Persatuan Badminton Malaysia

11. **Encik Nik Razeen Adam Daud**
Persatuan Skuasy Malaysia

12. **Tuan Haji Nawawi Bin Reduan**
Persatuan Renang Amatur Malaysia







# KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH PSM



13. **YBhg. Datuk Ahmad Zaki Bin Zahid**
    Wakil Korporat



14. **YBhg. Datuk Mohd Razlan Bin Muhammad Rafii**
    Wakil Korporat

15. **Encik Puvanesan Subenthiran**
    Wakil Korporat



16. **Encik Firmansyah Aang Bin Muhamad**
    *Junior Cycling* Malaysia



# KUMPULAN PENGURUSAN

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif PSM menurut Bahagian III Seksyen 16, Akta PSM 2010 (Akta 717) menyebut, Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif menurut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan. Kumpulan pengurusan PSM terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh sembilan (9) orang pegawai yang mengetuai bahagian, cawangan dan unit masing-masing dalam struktur organisasi PSM seperti berikut:-

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**ENCIK AZMAN FAHMI BIN OSMAN**

## KETUA BAHAGIAN DAN CAWANGAN



**YBHG. DATO' HAJI AHMAD HALMI BIN HARUN**
Ketua Pegawai
Bahagian Khidmat Pengurusan



**ENCIK NOOR MOHD FIRDAUS BIN ABU BAKAR**
Ketua Pegawai
Bahagian Pengurusan Fasiliti



**PUAN ERMY BINTI DAUD**
Ketua
Unit Audit Dalam



**PUAN RAFIDAH BINTI ARIS**
Ketua Pegawai
Bahagian Pemasaran Dan Komunikasi



**PUAN SHARIFAH SAHANA FIFDZIE BINTI SYED ALI HASSAN**
Pengurus Besar
Bahagian Kewangan



**ENCIK SYED FAYZ HELMY ALHUSAINI**
Pengurus Besar
KL Sports City



**ENCIK MOHD ZULQURNAIN BIN HAJI MUHAMMAD**
Pengurus Besar
Kompleks Sukan Jalan Duta



**ENCIK MOHAMMAD SAPUAN BIN MAT**
Pengurus Besar
Kompleks Sukan Bukit Kiara



**ENCIK KHAIRUL AZHAR BIN SARDAR MOHAMAD**
Pengurus Besar
Kompleks Sukan Setiawangsa

## STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi PSM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan disokong oleh lima (5) bahagian dan empat (4) cawangan utama iaitu:-

a. Bahagian Khidmat Pengurusan

b. Bahagian Pengurusan Fasiliti

c. Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

d. Bahagian Kewangan

e. Unit Audit Dalam

f. Cawangan KL Sports City

g. Cawangan Kompleks Sukan Jalan Duta

h. Cawangan Kompleks Sukan Bukit Kiara

i. Cawangan Kompleks Sukan Setiawangsa

Setiap bahagian merupakan tunjang yang penting bagi memastikan kelicinan pengurusan pentadbiran, pemasaran dan penyelenggaraan untuk mengekalkan semua kompleks di bawah PSM terus unggul sebagai *venue* pilihan utama bagi penganjuran pelbagai acara.

Struktur organisasi PSM mengikut kelulusan penyusunan terakhir yang diterima iaitu pada 1 Ogos 2013.



# CARTA ORGANISASI






# LAPORAN PRESTASI PSM

# AUDIT DALAM

Audit Dalam merupakan unit yang baharu diwujudkan di PSM pada tahun 2017 selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Audit pada Mesyuarat Lembaga PSM Bil. 1/2016. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan bertujuan untuk membantu PSM mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan, pematuhan dan tadbir urus.

Unit ini berfungsi untuk mengendalikan semakan secara berterusan ke atas sistem dan prosedur secara bebas bagi memberi laporan berserta syor-syor untuk memperbaiki dan mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan kawalan dalaman pengurusan kewangan, operasi serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PSM. Semakan akan dibuat berdasarkan penilaian tahap risiko sesuatu aktiviti Bahagian/Unit/Cawangan. Hasil penemuan audit akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit (JKA) yang bersidang empat (4) kali setahun. Antara strategi yang diamalkan oleh UAD dalam melaksanakan fungsinya adalah seperti yang berikut:

- Mengenal pasti ruang-ruang berisiko setiap Bahagian/Unit/Cawangan bagi menentukan keutamaan audit;
- Menjalankan pengauditan secara telus dan berhemah;
- Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan secara pusingan bagi memberi kesedaran dan peringatan kepada Auditi agar sentiasa patuh terhadap peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa;
- Melaksanakan Pengauditan Prestasi berdasarkan materialiti dan signifikan agar laporan yang dihasilkan dapat membantu PSM/Bahagian/Unit meningkatkan prestasi program/aktiviti dan mencapai objektif yang ditetapkan;
- Menjalankan Pengauditan Mengejut terhadap Bahagian/Cawangan;
- Mengadakan *entrance conference* dengan Auditi bagi menjelaskan objektif dan skop pengauditan;
- Mengadakan perbincangan dengan Auditi dari semasa ke semasa sepanjang pengauditan dijalankan;
- Mendokumenkan semua bukti Audit bagi mengukuhkan Laporan Audit;
- Mengadakan *exit conference* dengan Auditi bagi membincangkan hasil penemuan audit sebelum Laporan Audit disediakan;
- Menyediakan Laporan Audit dan memastikan maklum balas diperoleh dari Auditi;
- Membentangkan Laporan Audit di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## Pencapaian Sepanjang Tahun 2017

Pada 2017, UAD telah berjaya menjalankan fungsi audit berasaskan kepada rancangan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit (JKA) PSM. JKA PSM telah meluluskan pelan perancangan UAD mulai suku tahun ke tiga tahun berkenaan. Sebanyak enam (6) pengauditan telah dilaksanakan bagi suku tahun ketiga dan keempat 2017. Lima (5) pengauditan seperti yang dirancang merangkumi pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan susulan dan pengauditan mengejut serta satu (1) pengauditan khas.

## Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan. Bagi tahun 2017, penumpuan diberi kepada pematuhan proses perolehan yang melibatkan perancangan perolehan, pematuhan kepada tatacara perolehan secara proses sebut harga/tender/rundingan terus/kontrak pusat dan pentadbiran kontrak.

## Pengauditan Susulan

Pengauditan susulan dijalankan terhadap pengauditan Perolehan *LED Display Board* di PSM yang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 2015. Ini bagi memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan dilaksanakan bagi mengelakkan isu yang sama berulang.

## Pengauditan Khas

Pengauditan Khas dijalankan atas arahan pihak pengurusan atasan PSM.

## Pengauditan Mengejut

Pengauditan mengejut bertujuan untuk mewujudkan kesedaran terhadap pematuhan peraturan kewangan semasa di kompleks cawangan yang jarang dilawati.

Butiran terperinci pencapaian UAD bagi tahun 2017 adalah seperti jadual di bawah:

| JENIS PENGAUDITAN | PERKARA | RANCANGAN | LAKSANA | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| Pengauditan khas | Kerja-Kerja Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Operasi Peralatan Sistem Audio Visual, Mekanikal dan Elektrikal Di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil | 0 | 1 | > 100 |
| Pengauditan Pengurusan Kewangan | Pengurusan Perolehan Dan Kerja Di PSM | 1 | 1 | 100 |
| Pengauditan Susulan | Perolehan LED *Display Board* Di PSM | 1 | 1 | 100 |
| Pengauditan Mengejut | Pengurusan Kewangan Dan Terimaan | 3 | 3 | 100 |
| Jumlah | | 5 | 6 | 120 |

Penemuan audit beserta maklumbalas dari Bahagian/Unit /Cawangan terlibat akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit (JKA) PSM. Sepanjang tahun 2017, JKA telah bersidang sebanyak 2 kali seperti jadual di bawah:

| BILANGAN | TARIKH | KERTAS DIBENTANGKAN |
|---|---|---|
| Bil. 1/2017 | 28 Julai 2017 | Kertas Bil 1/2017<br>Perancangan Audit tahunan bagi tahun 2017<br>Piagam Audit Dalam |
| Bil. 2/2017 | 14 November 2017 | Kertas Bil 2/2017<br>Laporan Pengauditan Khas<br>Laporan Pengauditan Mengejut |

Penemuan bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Susulan akan dibentangkan pada Mesyuarat JKA Bil 1/2018. Pada masa yang sama, perancangan jangka panjang UAD adalah untuk memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi semua Bahagian/Unit/Cawangan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan berkesan. Di samping itu, pengauditan berdasarkan risiko dapat dijalankan secara menyeluruh selepas pematuhan terhadap SOP itu terlaksana.



# KHIDMAT PENGURUSAN

Khidmat Pengurusan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan Ahli Lembaga PSM, hal ehwal dan kebajikan kakitangan, kenderaan jabatan termasuklah aspek integriti.

## Pengurusan Lembaga Pengarah PSM

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 bertarikh 21 Julai 1998: Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan telah memperuntukkan dalam perkara 6.3 mengenai Mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu dipatuhi. Perkara 6.3.1 antaranya menjelaskan bahawa Ketua Eksekutif bertanggungjawab melaksanakan peraturan mesyuarat lembaga seperti yang berikut:

a. Merancang jadual mesyuarat bagi tempoh yang tertentu bagi memenuhi keperluan amalan pengurusan yang baik dan peruntukan Akta Penubuhan Badan Berkanun berkenaan.

b. Mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan.

c. Menyediakan notis mesyuarat selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

d. Menyediakan agenda dan mengedarkan bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

e. Mengedarkan kertas kerja kepada Ahli Lembaga Pengarah selewat-lewatnya dalam masa tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

Pada tahun 2017, PSM telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat Lembaga Pengarah PSM dan tiga (3) kali mesyuarat khas Lembaga Pengarah seperti yang berikut:-

## Mesyuarat Lembaga Pengarah PSM

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 5 April 2017 (Rabu) | 2.00 petang | Bilik Mesyuarat PPS, Pesuruhjaya Sukan, Technology Park Malaysia |
| BIL. 2/2017 | 25 Mei 2017 (Khamis) | 9.30 pagi | Bilik Mesyuarat 2 (Komanwel), Stadium Nasional, KLSC |
| BIL. 3/2017 | 3 Ogos 2017 (Khamis) | 9.30 pagi | Bilik Mesyuarat 2 (Komanwel), Stadium Nasional, KLSC |
| BIL. 4/2017 | 30 November 2017 (Khamis) | 9.30 pagi | Bilik Mesyuarat 2 (Komanwel), Stadium Nasional, KLSC |

## Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PSM

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 16 Mac 2017 (Khamis) | 9.30 petang | Bilik Mesyuarat PPS, Pesuruhjaya Sukan, Technology Park Malaysia |
| BIL. 2/2017 | 24 Ogos 2017 (Khamis) | 1.30 petang | Bilik Mesyuarat PPS, Pesuruhjaya Sukan, Technology Park Malaysia |
| BIL. 3/2017 | 14 September 2017 (Khamis) | 2.30 petang | Bilik Mesyuarat PPS, Pesuruhjaya Sukan, Technology Park Malaysia |

## Jawatankuasa Kerja dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

Bahagian II Seksyen 15 (1) hingga (3), Akta PSM 2010 (Akta 717) menyebut Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta. Perbadanan boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan dan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota jawatankuasa yang ditubuhkan. Jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh PSM adalah seperti yang berikut:-

a) Lembaga Perolehan A;
b) Lembaga Perolehan B;
c) Jawatankuasa Perkhidmatan dan Kenaikan Pangkat;
d) Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat;
e) Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan;
f) Jawatankuasa Pembangunan Strategik;
g) Jawatankuasa Pengurusan Fasiliti;
h) Jawatankuasa Audit;
i) Jawatankuasa Khas Sukan SEA;
j) Jawatankuasa Tatatertib; dan
k) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib.

Bahagian II Seksyen 15 (5) Akta PSM 2010 (Akta 717) menyebut bahawa mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa berkenaan. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja sepanjang tahun 2016 adalah seperti yang berikut:-

## Mesyuarat Lembaga Perolehan B

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 10 Januari 2017 (Selasa) | 4.30 petang | Bilik Mesyuarat KSU - Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 2/2017 | 2 Februari 2017 (Khamis) | 12.00 tengah hari | Bilik Mesyuarat KSU - Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 3/2017 | 17 Mac 2017 (Jumaat) | 11.30 pagi | Bilik Mesyuarat KSU - Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 4/2017 | 7 April 2017 (Jumaat) | 11.30 pagi | Bilik Mesyuarat KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |
| BIL. 5/2017 | 9 Jun 2017 (Jumaat) | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat KSU – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 6/2017 | 16 Jun 2017 (Jumaat) | 11.30 pagi | Bilik Mesyuarat KSU – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 7/2017 | 15 September 2017 (Jumaat) | 9.00 pagi | Bilik Mesyuarat KSU – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 8/2017 | 29 September 2017 (Jumaat) | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat KSU - Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 9/2017 | 30 Oktober 2017 (Isnin) | 2.30 petang | Bilik Mesyuarat KSU – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| BIL. 10/2017 | 10 November 2017 (Jumaat) | 11.30 pagi | Bilik Mesyuarat KSU – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |

## Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia

| TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 23 Januari 2017 (Isnin) | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat TKSU (P) – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |

## Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat

| TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 23 Januari 2017 (Isnin) | 3.30 petang | Bilik Mesyuarat TKSU (P) – Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |

## Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 12 Mei 2017 (Jumaat) | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |
| BIL. 2/2017 | 14 September 2017 (Khamis) | 1.00 petang | Bilik Mesyuarat Pesuruhjaya Sukan, Technology Park Malaysia |
| BIL. 3/2017 | 26 Oktober 2017 (Khamis) | 10.00 pagi | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |

## Mesyuarat Pengurusan Fasiliti PSM

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 2 Jun 2017 (Jumaat) | 9.00 pagi | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |
| BIL. 2/2017 | 28 Julai 2017 (Jumaat) | 10.00 pagi | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |
| BIL. 3/2017 | 12 Oktober 2017 (Khamis) | 2.30 petang | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |
| BIL. 4/2017 | 27 Disember 2017 (Rabu) | 9.00 pagi | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |

## Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Strategik

| TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 29 Oktober 2017 (Ahad) | 2.00 petang | Bilik Mesyuarat Hotel Best Western Premier, Genting Highland |

## Mesyuarat Jawatankuasa Audit PSM

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| BIL. 1/2017 | 28 Julai 2017 (Jumaat) | 3.00 petang | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |
| BIL. 2/2017 | 14 November 2017 (Selasa) | 2.30 petang | Bilik Mesyuarat Nasional, Technology Park Malaysia |

## Hal Ehwal dan Kebajikan Kakitangan

PSM menyediakan perkhidmatan klinik panel kepada semua kakitangan di klinik yang dilantik secara rasmi oleh PSM. Sehingga kini PSM mempunyai sebanyak 181 buah klinik panel yang dilantik di sekitar Lembah Klang. Keseluruhan perbelanjaan rawatan yang telah digunakan untuk sepanjang tahun 2017 berjumlah RM147,448.00. Rawatan yang dibenarkan di klinik panel adalah berupa rawatan umum sahaja. Manakala untuk rawatan pergigian seperti cabutan gigi biasa, pembedahan, tampalan, *scalling* gigi dan rawatan akar sahaja yang dibenarkan dibuat di klinik panel pergigian yang dilantik.

## Penyelarasan Penggunaan dan Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan

Penyelarasan kenderaan jabatan merangkumi pembayaran cukai jalan termasuk insuran kenderaan jabatan, kad *Touch 'n Go*, kad inden minyak, penyelenggaraan mengikut jadual perbatuan, jadual penggunaan kenderaan oleh kakitangan dan lain-lain urusan yang melibatkan penggunaan kenderaan PSM. Pada 2017 sejumlah RM134,031.48

telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan serta cukai dan insuran. Berikut merupakan senarai kenderaan yang telah diselaras dan diselenggara:

| BIL. | JENIS KENDERAAN | NOMBOR PENDAFTARAN |
|---|---|---|
| 1 | Toyota Fortuner | WUD 2470 |
| 2 | Toyota Fortuner | WQW 8390 |
| 3 | Toyota Innova | WYK 4352 |
| 4 | Toyota Hiace | WYK 3582 |
| 5 | Proton Perdana Eksekutif | W 9243 X |
| 6 | Lori HICOM 3 Tan | WKM 4766 |
| 7 | Lori HICOM 3 Tan | WSP 4458 |
| 8 | Motosikal Modenas Kriss | WWD 2384 |
| 9 | Motosikal Modenas Karisma | WWD 2396 |

## INTEGRITI

Integriti menjadi tumpuan utama kepada pihak pengurusan PSM dalam usaha untuk memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan PSM serta menangani isu-isu berkaitan integriti dalam jabatan. Penubuhan Unit Integriti ini juga merupakan usaha kawalan dalaman oleh PSM untuk menguruskan integriti dalamannya.

### i. Tadbir urus

Memastikan pelaksanaan tadbir urus yang terbaik.

### ii. Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

### iii. Pengesanan dan pengesahan

a) Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan

b) Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.

### iv. Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi.

### v. Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.

### vi. Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

# SUMBER MANUSIA

## Maklumat Perjawatan

Melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S64 bertarikh 20 Jun 2014, PSM diberi 109 jawatan tetap. Bagaimanapun, beberapa jawatan bertaraf kontrak telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan jabatan. Bilangan keseluruhan anggota PSM pada tahun 2017 serta perbandingan empat tahun sebelumnya adalah seperti jadual yang berikut.

**Perbandingan Jumlah Kakitangan Mengikut Taraf Lantikan Pada 2013 Hingga 2017**

| TARAF LANTIKAN | 2013 | | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tetap | 78 | 63% | 106 | 81% | 105 | 77% | 103 | 73% | 106 | 68% |
| Kontrak | 45 | 37% | 25 | 19% | 32 | 23% | 39 | 27% | 49 | 32% |
| Jumlah | 123 | - | 131 | - | 137 | - | 142 | - | 155 | - |

Di bawah penstrukturan semula organisasi yang telah diluluskan, PSM kini mempunyai 8 jawatan Pengurusan & Profesional dan 101 jawatan Kumpulan Pelaksana. Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif gred N52 bertaraf kontrak telah dibuat mulai Mei 2015 yang lepas.

Bilangan keseluruhan kakitangan tetap dan kontrak yang berkhidmat sehingga 31 Disember 2017 mengikut bahagian adalah seperti yang berikut.

**Perbandingan Jumlah Kakitangan**
**Mengikut Klasifikasi Perkhidmatan Pada 2013 Hingga 2017**

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | 2013 | | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | - | - | - | - | 1 | 1% | - | - | - | - |
| Pengurusan dan Profesional | 6 | 5% | 8 | 6% | 10 | 7% | 12 | 8% | 20 | 13% |
| Kumpulan Pelaksana | 117 | 95% | 123 | 94% | 126 | 92% | 130 | 92% | 135 | 87% |
| Jumlah | 123 | - | 131 | - | 137 | - | 142 | - | 155 | - |

**Perbandingan Jumlah Kakitangan**
**Mengikut Bahagian Pada Tahun 2013 Hingga 2017**

| BAHAGIAN | 2013 | | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif | 3 | 2% | 3 | 2% | 2 | 1% | 2 | 1% | 4 | 3% |
| Unit Pembangunan | - | - | - | - | 7 | 5% | 7 | 5% | - | - |
| Unit Audit Dalaman | - | - | - | - | - | - | - | - | 6 | 4% |
| Khidmat Pengurusan | 51 | 41% | 24 | 18% | 28 | 20% | 32 | 22% | 22 | 14% |
| Kewangan dan Akaun | | | | | 14 | 10% | 15 | 11% | 16 | 10% |
| Pembangunan Perniagaan | 10 | 8% | 9 | 7% | 37 | 27% | 37 | 26% | - | - |
| Pemasaran dan Pengurusan Acara | 35 | 29% | 17 | 14% | - | - | - | - | - | - |
| Harta, Kemudahan dan Kejuruteraan (Pengurusan Fasiliti) | 24 | 20% | 54 | 41% | 35 | 27% | 35 | 25% | 22 | 14% |
| Perhubungan Korporat (Pemasaran dan Komunikasi) | | | | | 14 | 10% | 14 | 10% | 11 | 7% |
| Kuala Lumpur Sports City | | | | | - | - | - | - | 31 | 20% |
| Kompleks Sukan Jalan Duta | | | | | - | - | - | - | 19 | 13% |
| Kompleks Sukan Bukit Kiara | | | | | - | - | - | - | 8 | 5% |
| Kompleks Sukan Setiawangsa | - | - | - | - | - | - | - | - | 16 | 10% |
| Jumlah | | | | | 137 | - | 142 | - | 155 | - |

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2017 bagi pelbagai kumpulan perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

| BIL. | NAMA | KUMPULAN PERKHIDMATAN | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Azman Fahmi bin Osman | Pengurusan & Profesional | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif |
| 2. | Encik Ahmad Namazi bin Zulkifli | Pelaksana | Unit Audit Dalam |
| 3. | Encik Mohd Sufian Merzuki | Pelaksana | Cawangan Kompleks Sukan Bukit Kiara |
| 4. | Puan Maisara binti Ismail | Pelaksana | Cawangan KL Sports City |
| 5. | Puan Nadiya Hanani binti Muhammad Azizan | Pelaksana | Cawangan Kompleks Sukan Setiawangsa |
| 6. | Encik Mohd Anuar bin Md Noh | Pelaksana | Cawangan Kompleks Sukan Jalan Duta |
| 7. | Puan Maizatul Jamilah binti Mohammad | Pelaksana | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 8. | Cik Nurul Akhma binti Lot | Pelaksana | Bahagian Kewangan |
| 9. | Puan Noor Aima binti Ahmad | Pelaksana | Bahagian Pengurusan Fasiliti |
| 10. | Puan Noraini binti Md. Zain | Pelaksana | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 11. | Puan Rosniah binti Jamaludin | Pelaksana | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 12. | Encik Razak Ahmad bin Ibrahim | Pelaksana | Cawangan KL Sports City |

## Peperiksaan

Pada tahun 2017, maklumat peperiksaan yang dihadiri oleh kakitangan yang berkelayakan adalah seperti yang berikut:

| BIL | NAMA PEPERIKSAAN | GRED | CALON MENDUDUKI |
|---|---|---|---|
| 1. | Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 | N19 | 2 |
| 2. | Peperiksaan Khas untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (PSL) | N19 | 14 |

## Majlis Bersama Jabatan

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) PSM mempunyai 22 orang ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan yang terdiri daripada 12 orang yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif sebagai wakil majikan dan sembilan (9) orang dipilih oleh kakitangan PSM sebagai wakil pekerja. MBJ merupakan saluran yang betul untuk pihak pekerja menyuarakan pandangan kepada pihak pengurusan. Komunikasi dua hala ini membolehkan pihak pekerja memberikan pandangan bernas ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan.

Perkara 9 hingga 11 Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan PSM menjelaskan dalam bahawa mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali. Sepanjang tahun 2017, PSM telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat MBJ seperti yang berikut:

| BIL. MBJ | MAKLUMAT |
|---|---|
| Mesyuarat MBJ Bil. 1/2017 | 27 Mac 2017 \| 3.30 petang<br>Bilik Mesyuarat Nasional Technology Park Malaysia |
| Mesyuarat MBJ Bil. 2/2017 | 19 Jun 2017 \| 9.30 pagi<br>Bilik Mesyuarat Nasional Technology Park Malaysia |
| Mesyuarat MBJ Bil. 3/2017 | 24 Oktober 2017 \| 10.00 pagi<br>Bilik Mesyuarat Nasional Technology Park Malaysia |
| Mesyuarat MBJ Bil. 4/2017 | 28 Disember 2017 \| 9.30 pagi<br>Bilik Mesyuarat Nasional Technology Park Malaysia |

## Kursus Dan Latihan

Pada tahun 2017, PSM telah melaksanakan rancangan Pembangunan Sumber Manusia dengan lebih agresif. Sebanyak 35 kursus diadakan sepanjang tahun 2017. Jumlah kursus berkenaan merangkumi kursus jangka pendek dikendalikan oleh PSM dengan menggunakan tenaga pakar dalaman dan luar organisasi yang melibatkan semua kakitangan dan juga kursus yang dianjurkan pihak luar. Bermula pada tahun 2016 terdapat Surat Arahan JPA 91) S-175/4/1-1 klt.22(38) bertarikh 29 Februari 2016 tentang penangguhan penguatkuasaan dasar kursus 7 hari setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam. Sehubungan dengan itu melalui keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bertarikh 16 Jun 2016 telah memutuskan agar bilangan menghadiri kursus untuk kakitangan tetap PSM diubah dari 7 hari kepada 3 hari setahun. Pada tahun 2017 PSM berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 100% kakitangan telah menghadiri kursus minimum 3 hari setahun.

**Bilangan Keseluruhan Kakitangan Tetap Yang Menghadiri Kursus Tahun 2017**

| BIL. | KUMPULAN | BILANGAN PERJAWATAN | BILANGAN ANGGOTA | KURSUS PENDEK | | | | BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PANJANG >3 BULAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Bilangan anggota yang hadir >10 Hari | Bilangan anggota yang hadir >7 Hari | Bilangan anggota yang hadir <7 Hari | Bilangan anggota yang belum hadir Kursus | |
| 1 | Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54) | 7 | 7 | 4 | 2 | 1 | 0 | - |
| 2 | Pelaksana 1 (Gred 29-40) | 32 | 32 | 11 | 8 | 13 | 0 | - |
| 3 | Pelaksana 2 (Gred 11-28) | 67 | 67 | 6 | 7 | 54 | 0 | - |
| | Jumlah | 106 | 106 | 21 | 17 | 68 | 0 | - |

** Kakitangan Baharu (Pengiraan latihan adalah berdasarkan prorata)*
*Contoh: 12 bulan masuk x 3 hari = jumlah hari sebenar•*
12

**Bilangan Kakitangan Tetap yang Menghadiri Kursus Tahun 2017 Mengikut bilangan**

| BIL. | KUMPULAN | BILANGAN YANG MENGHADIRI KURSUS | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 10 hari dan ke atas | 8 dan 9 hari | 7 hari | 6 hari | 5 hari | 4 hari | 3 hari | 2 hari | 1 hari | Belum hadir kursus | Jumlah keseluruhan mengikut kumpulan |
| 1 | Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 54) | 4 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| 2 | Pelaksana 1 (Gred 29-40) | 11 | 4 | 4 | 6 | 1 | 1 | 3 | 2 | 0 | 0 | 32 |
| 3 | Pelaksana 2 (Gred 11-28) | 6 | 4 | 3 | 1 | 3 | 6 | 18 | 26 | 0 | 0 | 67 |
| | JUMLAH | 21 | 10 | 7 | 8 | 4 | 7 | 21 | 28 | 0 | 0 | 106 |

** Kakitangan Baharu (Pengiraan latihan adalah berdasarkan prorata)*
*Contoh: 12 bulan masuk x 3 hari = jumlah hari sebenar•*
12

## Senarai Kursus Anjuran PSM

| TARIKH | KURSUS | ANJURAN |
|---|---|---|
| 25 Jan 2017 | Bengkel Pemahaman Penyediaan dan Kawalan Bajet Peringkat Bahagian/Cawangan | Bhg. Kewangan |
| 7-8 Feb 2017 | Kursus *MPERS for Government Agencies & Goverment Business Entities PSM* | Bhg. Kewangan |
| 8-9 Mac 2017 | Bengkel Penyelarasan Kontrak Kebersihan | Bhg. Pengurusan Fasiliti |
| 4-5 Apr 2017 | Bengkel Panduan Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja | Bhg. Khidmat Pengurusan |
| 19-20 Apr 2017 | Kursus Tata Cara Pengurusan Aset Tak Alih | Bhg. Pengurusan Fasiliti |
| 26-28 Apr 2017 | Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) | Bhg. Khidmat Pengurusan |
| 2-3 Mei 2017 | Kursus Pemahaman Penilaian Sebut Harga dan Tender | Bhg. Kewangan |
| 11-12 Jul 2017 | Bengkel *Business Process Analysis System* SAGA | Bhg. Kewangan |
| 3 Okt 2017 | Kursus Pemahaman Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Kakitangan PSM | Bhg. Kewangan |
| 26-29 Okt 2017 | Sesi Percambahan Fikiran Pelan Strategik | Bhg. Strategik Perniagaan |
| 20-21 Dis 2017 | Kursus Panduan Praktikal Penyediaan Penyata Kewangan MPSAS PSM | Bhg. Kewangan |
| 22-26 Jan 2017 | Kursus Pengurusan Aset Boleh Alih & Stor Kerajaan | Institut Perakaunan Negara |
| 22-24 Feb 2017 | Kursus Penulisan Dokumen Rasmi | Kementerian Belia dan Sukan |

## Senarai Kursus Anjuran Agensi-agensi Luar

| TARIKH | KURSUS | ANJURAN |
|---|---|---|
| 27 Feb-1 Mac 2017 | Seminar *Public Venues & Events (Safety & Security)* | Marcus Evans KL |
| 8-9 Mac 2017 | Program *Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience* (SHARE) Siri 2 | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 15-16 Mac 2017 | Persidangan Kepemimpinan Wanita 2017 | Comfori Sdn Bhd |
| 20-23 Mac 2017 | Bengkel Pelan Pengurusan Risiko (PPR) KBS | Kementerian Belia dan Sukan |
| 22 Mac 2017 | Jerayawara GST Ibu Pejabat kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun bagi Zon Tengah | Kastam Diraja Malaysia |
| 20-23 Mac 2017 | Seminar *Stadiums And Arenas Asia Summit* | IQPC Worldwide Pte Ltd |
| 27-30 Mac 2017 | Kursus Tindakan Tatatertib bagi Urus Setia Lembaga / JK Tatatertib | DMHR Consultancy |
| 17-20 Apr 2017 | Kursus Perakaunan Akruan (Asas) | Institut Perakaunan Negara |
| 2-11 Mei 2017 | Kursus Asas Pengendalian Perancah (*Basic Scaffolding)* | NIOSH |
| 17-19 Mei 2017 | Persidangan SAGA bagi Kumpulan P&P Tahun 2017 "MPSAS Transisi & Adaptasi" | Jabatan Akauntan Negara Malaysia |
| 18 Mei 2017 | Latihan Sistem *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) | Kementerian Kewangan |
| 22-23 Mei 2017 | Seminar Tata Cara Perolehan Kerajaan dan Isu-isu Berkaitan Sebut harga dan Tender Kerajaan | Institut Pengurusan Integriti Melaka |
| 22 Mei 2017 | Bengkel Latihan Sistem ASSIST : Modul Data Perjawatan | Kementerian Belia dan Sukan |
| 23-24 Mei 2017 | Kursus Asas Pengurusan Kewangan | Institut Perakaunan Negara |

| TARIKH | KURSUS | ANJURAN |
|---|---|---|
| 27-31 Mei 2017 | Program Transformasi Minda (PTM) Tahun 2017 | Kementerian Belia dan Sukan |
| 17 Jul 2017 | Kursus *Corporate Directors Leadership and Integrity (CDLI) – Corporate Governance Module* (GC) | Institut Tadbiran Awam Negara |
| 20 Jul 2017 | Program *Facilities Maintenance Management* | Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. |
| 23-28 Jul 2017 | Program 2017 *Malaysia Young Leaders Programme* (*Module Two*) | Global Institute For Tomorrow (GIFT) |
| 24 Jul 2017 | Kursus *Corporate Directors Leadership and Integrity (CDLI) – Audit and Monitoring Module (AM)* | Institut Tadbiran Awam Negara |
| 25 Jul 2017 | Kursus *Corporate Directors Leadership and Integrity* (*CDLI*) – *Internal Control Module* (*IC*) | Institut Tadbiran Awam Negara |
| 1-2 Ogos 2017 | Kursus Sistem Belanjawan Negara (Asas) | Institut Perakaunan Negara |
| 8-9 Ogos 2017 | Kursus Perakaunan Akruan (Pertengahan) | Institut Perakaunan Negara |
| 15-16 Ogos 2017 | Kursus Kawalan Perbelanjaan | Institut Perakaunan Negara |
| 5-6 Sept 2017 | Kursus Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan | Institut Perakaunan Negara |
| 12-13 Sept 2017 | Seminar Pengurusan Fasiliti Sektor Awam 2017 | Jabatan Kerja Raya |
| 26-28 Sept 2017 | Kursus Perakaunan Terimaan / Hasil Kerajaan | Institut Perakaunan Negara |
| 3-5 Okt 2017 | Kursus Perolehan Kerajaan secara Sebut Harga dan Tender (Bekalan dan Perkhidmatan) | Institut Perakaunan Negara |
| 8-9 Nov 2017 | Bengkel Panduan Penyediaan Laporan Audit Dalaman | Bridge Knowle Events (M) Sdn Bhd |
| 14-16 Nov 2017 | Kursus Perakaunan Akruan (Asas) | Institut Perakaunan Negara |
| 14-15 Nov 2017 | Kursus Asas Pengurusan Kewangan | Institut Perakaunan Negara |
| 20-23 Nov 2017 | Kursus Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar | Institut Perakaunan Negara |

## PENGURUSAN STOR

Mengawal, mengemaskini dan merekod barangan stor PSM

Mengurus dan menyelaras inventori, pengesahan stor, pelupusan dan hapuskira stok

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan (1PP), AM 6.1; Definisi stor bermaksud tempat bagi penerimaan, perekodan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengendalian dan pengeluaran stok. Ia melibatkan beberapa kriteria seperti rajah berikut:

**Kriteria Pengurusan Stor**

**Kriteria**

- Dalam bentuk barangan dan bekalan untuk digunakan dalam proses pengeluaran.
- Dalam bentuk barangan atau bekalan untuk digunakan atau diedarkan dalam pembekalan perkhidmatan.
- Dipegang untuk dijual atau diedar dalam operasi biasa.
- Dalam proses pengeluaran untuk dijual atau diedarkan.

Stor yang diselaraskan di BKP ialah Stor Peralatan Pejabat sahaja. Kedudukan stok tahunan akan dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) bagi kategori Laporan KEW.PS-13. Di PSM, pelbagai aktiviti bagi tujuan pengemaskinian dan pembaikan stor dijalankan dari semasa ke semasa. Antaranya ialah:-

- Merekod penerimaan barang daripada pembekal dan pengeluaran barang daripada kakitangan PSM;
- Membuat pemeriksaan stok dan pengesahan stor bagi setiap barang yang terdapat dalam simpanan stor PSM; dan
- Mengawal kadar pengeluaran dan pembelian bagi tujuan penjimatan serta meningkatkan kadar pusingan stok yang lebih baik bagi setiap suku tahun.

Berikut merupakan Laporan Tahunan Stok Bagi Tahun 2017 seperti yang dilaporkan dalam Mesyuarat JKPAK yang bersidang empat (4) kali setahun adalah seperti yang berikut:

**Laporan Tahunan Stok Bagi Tahun 2017**

| TAHUN SEMASA | KEDUDUKAN STOK | | | | KADAR PUSINGAN STOK C | PELUPUSAN STOK | | KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA STOK | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sedia ada | Pembelian | Pengeluaran | Stok Semasa | | | | | |
| | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | [(a+d) / 2] | Nilai Perolehan Asal (RM) | Nilai Pelupusan (RM) | Nilai Perolehan Asal (RM) | Nilai Pelupusan (RM) |
| | (a) | (b) | (c) | d=(a+b)-(c) | | | | | |
| Baki Bawa Ke Hadapan | Baki Stok Akhir Tahun 2016 | | | 21,084.806 | | | | | |
| Suku Tahun Pertama (Januari - Mac) | 21,084.806 | 5,659.500 | 16,346.316 | 10,397.990 | 1.04 | - | - | - | - |
| Suku Tahun Kedua (April - Jun) | 10,397.990 | 18,048.196 | 14,034.411 | 14,411.755 | 1.13 | - | - | - | - |
| Suku Tahun Ketiga (Julai - September) | 14,411.755 | 17,367.570 | 20,205.188 | 11,574.157 | 1.56 | - | - | - | - |
| Suku Tahun Keempat (Oktober - Disember) | 11,574.157 | 27,821.502 | 18,354.200 | 21,041.459 | 1.13 | - | - | - | - |
| Jumlah Keseluruhan | | 68,896.768 | 68,940.115 | | Kadar Pusingan Stok Tahunan adalah: 3.27 | | | | |

Untuk menjadi satu bahagian yang terbaik dalam skop khidmat pengurusan, BKP akan memberikan tumpuan lebih khusus ke arah mencapai perkara-perkara berikut:



**PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG MAMPAN**
- Penstrukturan semula organisasi PSM
- Ke arah merealisasikan *succession planning*
- Pengurusan emolumen yang cekap

**KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 9001:2015**

**PENGURUSAN RISIKO YANG CEKAP**

# PEMASARAN DAN KOMUNIKASI

Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu Pemasaran, Komunikasi dan Pembangunan Perniagaan. Bahagian ini bertanggung jawab dalam mempromosi dan memasarkan semua kemudahan dan fasiliti di bawah Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) serta membina jalinan hubungan baik dengan semua pihak media bagi memastikan PSM sentiasa mendapat sokongan pihak media dalam menjalankan aktiviti dan program.

## Pengendalian Media Sosial

Media sosial merupakan medium pemasaran dan promosi yang sangat popular pada masa kini dan juga merupakan antara medium utama pemasaran yang kini diguna pakai oleh kebanyakan organisasi. Keberkesanannya untuk menjangkau lebih ramai pengguna dengan kos yang lebih rendah merupakan antara faktor yang menjadikan medium ini begitu popular. Seiring dengan itu, PSM tidak ketinggalan untuk menggunakan media sosial sebagai salah satu cara untuk mempromosikan semua arena dan fasiliti di bawah pengurusannya.

Pada tahun 2017, jumlah *like* laman Facebook PSM telah meningkat sebanyak 37.98% berbanding dengan tahun sebelumnya manakala laman Facebook KL Sports City yang baharu diwujudkan pada April 2017 mencatatkan 687 *like*. Selain daripada laman Facebook, akaun Instagram juga telah diwujudkan untuk PSM dan KL Sports City, masing-masing pada bulan Mei dan Mac 2017. Sehingga 31 Disember 2017, akaun Instagram PSM mempunyai sebanyak 379 pengikut dan KL Sports City 180 pengikut.

| BUTIRAN | 1 JAN 2017 | 31 DIS 2017 |
|---|---|---|
| Facebook (*Like*) | 2333 | 3219 |
| Butiran | 2 Mei 2017 | 31 Dis 2017 |
| Instagram (*Follower*) | 0 | 379 |

| BUTIRAN | 4 APR 2017 | 31 DIS 2017 |
|---|---|---|
| Facebook (*Like*) | 0 | 687 |
| Butiran | 3 Mac 2017 | 31 Dis 2017 |
| Instagram (*Follower*) | 0 | 180 |

## Pengendalian Laman  Sesawang

Pada tahun 2017, laman sesawang rasmi PSM diberi wajah baharu. Kandungan yang boleh didapati dalam laman sesawang PSM adalah maklumat berkenaan kompleks sukan di bawah pengurusan PSM dan fasiliti yang ditawarkan, berita semasa, tawaran sebut harga, tender dan pelbagai maklumat yang lain.




Selain daripada laman sesawang rasmi PSM, KL Sports City juga mempunyai laman sesawang yang dibangunkan pada tahun ini. Laman sesawang ini mula diakses oleh pengguna pada 1 Ogos 2017. Antara kandungan yang boleh didapati oleh pengguna melalui laman sesawang ini adalah acara-acara yang berlangsung di KL Sports City, fasiliti yang ditawarkan serta pautan untuk pembelian tiket acara-acara yang dilangsungkan.




## Inisiatif Pemasaran

BPK juga telah menjalankan beberapa inisiatif pemasaran pada tahun 2017 bagi mempromosikan semua fasiliti dan kompleks sukan di bawah pengurusan PSM. Mengambil peluang sempena temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9 yang diadakan di Kuala Lumpur, pelbagai aktiviti dijalankan bagi mempromosikan KL Sports City yang berwajah baharu dan lebih mesra komuniti yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, agama dan budaya. Acara ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan fasiliti baharu yang dibina di KL Sports City selepas kerja-kerja naik taraf yang dijalankan.

## Sidang Media dan Temubual Eksklusif

BPK juga berperanan dalam menyelaraskan majlis sidang media dan temubual eksklusif Ketua Pegawai Eksekutif dengan pihak media disamping menjalinkan hubungan baik dengan semua media. Sepanjang 2017 beberapa sidang media dan temubual berkaitan topik pembangunan KL Sports City dan persediaan menghadapi temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN telah diselaraskan antaranya:

i) Sidang media perkembangan projek naik taraf Sukan SEA, KL Sports City Fasa 1 dengan kerjasama pihak Komunikasi Korporat MRCB;

ii) Temubual bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM);

iii) Temubual bersama BERNAMA;

iv) Temubual bersama akhbar Sin Chew Daily;

v) Temubual program Majalah 3, TV3; dan

vi) Temubual program Malaysia Hari Ini, TV3.

## Lawatan Stadium

Pada setiap tahun, PSM menerima kunjungan lawatan daripada pelbagai agensi, sekolah, institut pengajian tinggi dan institusi daripada luar negara. Tujuan kebanyakan lawatan adalah untuk melihat sendiri infrastruktur bangunan yang menjadi mercu tanda untuk acara sukan pelbagai peringkat. Selain itu, *venue* KL Sports City juga dijadikan pusat rujukan pengurusan *venue* bagi pelajar-pelajar dalam penyediaan tesis mereka. Venue KL Sports City dibuka kepada pengunjung untuk lawatan selepas berakhirnya temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9 iaitu pada bulan Oktober 2017. Antara lawatan yang diterima adalah seperti yang berikut:-

**Senarai Lawatan Pada Tahun 2017**

| SEKOLAH (6) |
|---|
| • Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Lenga Muar, Johor<br>• Sekolah Kebangsaan Bukit Rahmat<br>• Sekolah Kebangsaan Baling, Kedah<br>• Sekolah Kebangsaan Permatang Pasir, Pulau Pinang<br>• Sekolah Sri Pulai Perdana, Johor<br>• Sekolah Kebangsaan Sri Kinta, Perak |

**KOLEJ/UNIVERSITI (5)**

- Kolej Universiti Widad, Melaka
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Universiti Teknologi Mara Puncak Alam, Shah Alam
- Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan
- Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang

**SYARIKAT/AGENSI (14)**

- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- *NBL Asia Sdn Bhd*
- Pergerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Permatang Pasir
- *Cabinet Office, Government of Japan*
- Samsung Malaysia
- Kementerian Belia dan Sukan Brunei
- Sekretariat Sukan SEA Kuala Lumpur 2017
- Kedutaan Brunei Darussalam
- Majlis Olimpik Malaysia
- Aladdin Street
- ALIFE
- Allianze Insurance
- MYCeb
- AIA

**LAIN-LAIN (3)**

- Lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia
- Lawatan DYMM Sultan Selangor
- Lawatan Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Jeanne Abdullah

**Carta Perbandingan Jumlah Lawatan Bagi Tahun 2013 Hingga 2017**




## Pengendalian Aduan Awam

PSM telah menerima sebanyak 41 aduan dan pertanyaan, meningkat dari tahun sebelumnya berikutan pembukaan *venue* di KL Sports City selepas temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN 2017. Jumlah aduan dan pertanyaan yang diterima itu merangkumi semua *venue* di bawah pengurusan PSM. Setiap aduan yang diterima diberikan maklum balas kepada pengadu dalam tempoh tiga hari bekerja. Laporan maklum balas aduan pula dibentangkan setiap tiga bulan sekali pada Mesyuarat Pengurusan Aduan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

**Perbandingan Jumlah Penerimaan Aduan Antara 2015 Hingga 2017**




## Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Bagi menyokong saranan kerajaan ke arah menjayakan program untuk kesejahteraan rakyat, Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) menjalankan beberapa aktiviti program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang juga bertujuan untuk meningkatkan imej dan reputasi PSM bersama masyarakat setempat. Antara program CSR yang dijalankan pada tahun 2017 adalah:

- Kempen Kesedaran Kesihatan Kepada Orang Awam
- Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya
- Gotong-royong
- Pemberian kerusi Stadium Nasional kepada sekolah

## Kempen Kesedaran Kesihatan Kepada Orang Awam

Kempen ini adalah anjuran para pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) dengan kerjasama kakitangan PSM. Ianya diadakan pada bulan Mac 2017 bertempat di Taman Rekreasi Bukit Komanwel. Para pelajar menjalankan kaji selidik kepada semua orang awam yang beriadah di Bukit Komanwel. Kempen ini juga secara tidak langsung menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan gaya hidup sihat.










## Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim

Majlis ini diadakan pada 20 Jun 2017 bertempat Stadium Nasional KL Sports City, Bukit Jalil. Seramai 50 orang anak-anak yatim tahfiz diraikan dan diberi sumbangan hari raya oleh PSM. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengerusi PSM, YBhg. Dato' Mohamad Sahfri Abd Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Azman Fahmi Osman, pegawai-pegawai dan kakitangan PSM. Majlis ini ini diakhiri dengan solat tarawikh berjemaah bersama anak-anak yatim tahfiz.





## Gotong Royong Di Bukit Komanwel

Program ini dijalankan di Bukit Komanwel dan disertai oleh lebih 30 orang kakitangan PSM dan 30 orang kakitangan IMU. Kerja-kerja yang dilakukan termasuklah membersihkan kawasan sekitar, mengecat surau dan tandas awam. Program seperti ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan di antara masyarakat setempat, yang menggunakan kemudahan yang terdapat di sekitar Bukit Jalil dengan PSM dan IMU.










## Pemberian Kerusi Stadium Nasional Kepada Sekolah - Sekolah

Sempena dengan kerja-kerja naik taraf Stadium Nasional, semua kerusi penonton di Stadium Nasional akan digantikan dengan kerusi baharu. Justeru, kerusi-kerusi yang masih boleh digunakan disumbangkan kepada sekolah-sekolah sekitar Lembah Kelang untuk digunakan di sekolah masing-masing. Antara sekolah-sekolah yang menerima sumbangan kerusi adalah seperti berikut:

- Sekolah Kebangsaan Selayang Utama – 200 unit
- Sekolah Kebangsaan Sungai Kertas – 400 unit
- Sekolah Kebangsaan Cherana Putih – 500 unit
- Sekolah Kebangsaan Gombak Setia – 200 unit
- Sekolah Kebangsaan Kuang – 400 unit

## Dokumentasi Berita

Setiap acara dan aktiviti yang berlangsung direkodkan dalam bentuk gambar atau video bagi tujuan dokumentasi. Manakala keratan akhbar yang dipantau secara harian akan disimpan dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* dalam *server* PSM bagi tujuan rekod dan rujukan semua kakitangan.


Masoc senarai barang larangan ke stadium

KL Sport City diserah kepada KBS 22 Julai

KL Sports City brightens up

Venue KL2017 sudah 98 peratus siap

ULANG TAHUN

PM tinjau persiapan Ulang Tahun UMNO Ke-71

Kehangatan KL2017 makin terasa

Bukan hukuman

Sukan Para ASEAN buka tirai rasmi malam ini

'PSM usah tutup stadium'


Stadium Nasional mampu anjur kejohanan olahraga bertaraf dunia

Cabaran logistik sangat besar: Khairy

MASOG lancar program Satu Pingat, Satu Pokok

TUGAS BERMULA

Kenderaan awam untuk orang ramai mencukupi

Pihak berkuasa KLSC usah kejar untung semata-mata

100PLUS taja KLSC selama 5 tahun

#MALAYSIABERSAMAMU

Sultan Selangor tinjau Bandar Sukan KL

KLSC to have more sports facilities for public

17-23 SEPTEMBER 2017 SUKAN PARA ASEAN KE-9

Acara naikkan bendera 11 negara bertanding penuh bersemangat

Obor perjuangan KL2017 bermula

LAWAT GELANGGANG BOLA JARING, BOLING PADANG

Axiata Arena mercu tanda KL Sports City

Sasaran 'Kita Juara' realistik

Arena

GARANG SEBELUM PERANG

Pomp and splendour at opening ceremony

Axiata Arena set to become iconic venue in KL Sports City

## Pembangunan Perniagaan

Pembangunan Perniagaan adalah unit yang turut berada di bawah Bahagian Pemasaran dan Komunikasi yang bertanggungjawab dalam skop penajaan, penjenamaan (*Naming Rights*) perkongsian syarikat Panel dan aktiviti perniagaan. Tahun 2017 telah menunjukkan peningkatan pendapatan yang positif berbanding tahun 2016. Aktiviti Pembangunan Perniagaan menjana hasil sebanyak RM10,201,337.85 berbanding RM6,412,453.00 pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak RM59.09%. Selain itu, pendapatan Pembangunan Perniagaan juga di perolehi dari penyewaan keseluruhan Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic – KSSA) oleh syarikat I-Setia Sdn Bhd dan Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching (PKAK) oleh syarikat Achibin Sdn. Bhd. serta aktiviti di Kompleks Sukan Jalan Duta (KSJD), Kompleks Sukan Bukit Kiara (KSBK), Kompleks Sukan Setiawangsa (KSS), Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic – KSSA). Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KL Sports City) hanya mula menyumbang pendapatan selepas temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 bermula pada bulan Ogos 2017.

Bagi meningkatkan pendapatan dan mempelbagaikan perkhidmatan di KL Sports City (KLSC) pelantikan syarikat Panel telah diperkenalkan dengan melantik beberapa syarikat seperti Edotco Malaysia Sdn Bhd (Telekomunikasi), AFS Engineering Sdn Bhd. (Audio/Visual), OHJ Company (Kebersihan), Sports Spin (*Digital Display Board*) dan Seat Advisor (Agen Jualan Tiket) sebagai Panel Kontraktor bagi perkhidmatan sokongan kepada acara yang bakal berlangsung di KLSC. Semua penganjur dimestikan untuk menggunakan syarikat panel kontraktor PSM bagi menganjurkan acara di KLSC. Hasil kerjasama ini, PSM memperolehi peratusan perkongsian hasil antara 10% hingga 20% daripada setiap acara yang dianjurkan.

Unit ini juga dipertanggungjawabkan untuk menyelaras kutipan hasil daripada *Naming Rights* Stadium Putra yang kini dikenali sebagai Axiata Arena. PSM memperoleh kutipan hasil melebihi RM5 juta setahun melalui *Naming Rights* bersama-sama Axiata Group Berhad serta penajaan daripada beberapa syarikat seperti Seiko (melalui Innotex System Sdn. Bhd.) untuk sistem masa dan pemarkahan, L-Acoustics/Sennheiser (melalui AFS Engineering Sdn Bhd) untuk sistem audio, Samsung (melalui Sports Spin  Sdn. Bhd.) untuk sistem visual, Dulux (melalui Akzonobel Paints (M) Sdn. Bhd) untuk cat, Bosch (melalui Virtue Integrated Sdn. Bhd.) untuk sistem kamera litar tertutup supaya pengunjung dan pengguna KL Sports City dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik dan bertaraf antarabangsa serta F&N Sdn. Bhd. (100Plus) sebagai penajaan minuman rasmi di KLSC.

**Perbandingan Pendapatan mengikut Bulanan Bagi Tahun 2016 dan 2017**

| Januari – Disember 2016 (RM) | Januari – Disember 2017 (RM) | Perbandingan | Peratusan Perbezaan (%) |
|---|---|---|---|
| 6,412,453 | 10,201, 37.85 | 3,788.884.85 | 59.09% |

**Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun 2016 dan 2017**




## Kerjasama Strategik

Pada masa yang sama, Unit Pembangunan Perniagaan mula menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Memorandum Persefahaman ini untuk mengeratkan lagi hubungan komuniti sekitar Bukit Jalil dengan PSM dan juga memberi peluang kepada pelajar IMU mendapatkan pengalaman menggunakan kemudahan dan fasiliti di PSM. PSM juga turut menjalinkan kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS) bagi membuka ruang kepada para pelajar untuk menjalankan latihan industri di PSM.

Bagaimanapun, pada 1 Disember 2018, unit Pembangunan Perniagaan telah diasingkan daripada BPK dan dijadikan satu bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Strategik dan Perniagaan.

# PENGURUSAN FASILITI

Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan fasiliti, kebersihan dan keselamatan yang terbaik. Pada masa yang sama BPF bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal bagi setiap *venue* di bawah tanggungjawab PSM.

## Pelan Perancangan Pengurusan Fasiliti

Setelah beroperasi selama 19 tahun, kesinambungan dari pertambahan jumlah Kompleks Sukan yang diurus tadbir, BPF telah merangka Pelan Pengurusan Fasiliti. Teras utama yang diberi perhatian dalam pelan ini antara lain adalah:

| | |
|---|---|
| Penyelenggaraan Tahunan | • Merangka penjadualan pemantauan yang efisien.<br>• Permantauan secara berkala dalam memastikan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian Kontrak antara PSM dengan syarikat yang berjaya dilantik. |
| Penambahbaikan dan Naik Taraf Kemudahan | • Penambahbaikan kelengkapan dan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa yang terdapat di KL Sports City seperti Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional, Axiata Arena dan sebagainya yang akan menjadikan KL Sport City sebagai hab sukan dan bukan sukan tumpuan ramai dan pilihan utama penganjur acara.<br>• Sasaran pembaikan dan menaik taraf akan lebih diutamakan kepada kerja-kerja membaik pulih yang melibatkan struktur dan peralatan. |
| Keselamatan *Venue* | • Bagi memastikan kawalan keselamatan yang berkesan di semua *venue* berkesan, BPF sentiasa membuat pemantauan, menilai mutu kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan agar menepati skop kerja yang telah dipersetujui.<br>• Unit Keselamatan juga akan sentiasa memastikan sistem keselamatan sedia ada di semua *venue* sentiasa diselenggara dan boleh berfungsi dengan baik sepanjang masa bagi memastikan semua *venue* PSM selamat dikunjungi dan digunakan. |
| Merangka Sumber Pembiayaan Projek | • Merangka, menyediakan, dan melaksanakan bajet Pengurusan Fasiliti secara berhemah dengan mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dan defisit. |

## Peruntukan Penyelenggaraan Stadium

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) menerusi BPF bertanggungjawab dalam aspek berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan semua kemudahan dan fasiliti yang diuruskan melalui penyaluran geran peruntukan penyelenggaraan yang diberikan pada setiap tahun. Pada tahun 2017, PSM telah menerima sebanyak RM12,146,375.76 geran peruntukan penyelenggaraan berbanding dengan RM11,612,569.00 yang diterima pada tahun 2016. Sebanyak RM19,940,822.00 telah dibelanjakan menerusi peruntukan ini termasuk dari baki sebahagian Peruntukan Tambahan Menaiktaraf Kemudahan Sukan SEA.

## Penyelenggaraan Perkhidmatan Tetap

Sebahagian peruntukan yang diterima digunakan untuk pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik di bawah penyelenggaraan tetap iaitu sebanyak RM12,146,375.76. Perkhidmatan penyelenggaraan utama terdiri dari Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan dan Landskap, Penyelenggaraan Mekanikal dan Elektrikal, Perkhidmatan Penyelenggaraan Padang dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan. Terdapat juga Penyelenggaraan kecil yang lain yang terdiri daripada Perkhidmatan Penyelenggaraan Lif, Perkhidmatan Penyelenggaraan *Hygiene Control*, Perkhidmatan Penyelenggaraan Serangga Perosak, Perkhidmatan Jurutera Bertauliah dan Penyelenggaraan Perkhidmatan *Computerise Monitoring System* (CMS). Berikut adalah perbelanjaan tetap di bawah peruntukan ini untuk tahun 2017:

| PENYELENGGARAAN TETAP | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|
| Kebersihan dan Landskap | 3,088,436.99 |
| Mekanikal dan Elektrikal | 3,812,692.80 |
| Padang | 1,326,855.00 |
| Keselamatan | 3,918,390.97 |
| Penyelenggaraan lain (Peruntukan Tambahan Sukan SEA) | 7,794,446.21 |
| Jumlah Keseluruhan | 19,940,822.00 |




## Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil

Sebahagian lagi peruntukan digunakan untuk pembayaran kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan di KL Sports City. PSM mendapat peruntukan bagi memastikan semua kompleks diselenggara dengan baik dan sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan. Berikut adalah carta perbandingan yang menunjukkan Perbelanjaan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil dari tahun 2013 sehingga 2017.



# UNIT PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan merupakan unit yang terlibat secara langsung dengan perancangan, perolehan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan PSM dan satu daripadanya ialah projek pembangunan KL Sports City (KLSC).

## Projek-Projek/Perolehan Pada Tahun 2017

Pada tahun 2017, terdapat empat (4) *venue* di bawah seliaan PSM yang digunakan semasa Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 iaitu:

- KL Sports City (Stadium Nasional, Axiata Arena, Pusat Akuatik Nasional, Stadium Hoki Nasional 1 dan 2, Kawasan Plaza dan Infra serta Pusat Skuasy Nasional)
- Kompleks Tenis Jalan Duta
- Kompleks Sukan Bukit Kiara
- Kompleks Sukan Shah Alam (Panasonic)

Keempat-empat *venue* tersebut telah dinaik taraf dan dibaik pulih dengan menggunakan peruntukan Sukan SEA yang diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan yang berjumlah RM9.7 juta dan sejumlah wang dana milik PSM. Projek ini siap sepenuhnya pada bulan Julai 2017 dan kini dalam tempoh tanggungan kecacatan atau *Defect Liability Period* (DLP). Berikut adalah perincian laporan kemajuan projek yang dilaksanakan oleh PSM.

Hasil daripada projek naik taraf ini, beberapa kemudahan telah mendapat pengiktirafan daripada badan sukan antarabangsa antaranya:

| BIL. | PROJEK | PENGIKTIRAFAN |
|---|---|---|
| 1 | Turf Stadium Hoki Nasional 1 dan 2, KL Sports City | FIH *Global Elite Turf* yang pertama di dunia daripada Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) |
| 2 | Trek Stadium Nasional, KL Sports City | *Class 1, Athletics Facility* daripada Pertubuhan Persekutuan Olahraga Antarabangsa |
| 3 | Gelanggang Luar Pusat Tenis Nasional, Kompleks Sukan Jalan Duta | Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) dan Persekutuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM) |
| 4 | Gelanggang Boling Padang, Kompleks Sukan Bukit Kiara | *World Bowls Certification* daripada Labosports Australasia PTY LTD |

**LAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN**

| BIL. | PROJEK | KOS PROJEK | TARIKH MULA | TARIKH SIAP | TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Cadangan Penambahan Bumbung Padang A Sedia Ada dan Kerja-Kerja Membaikpulih Bangunan Sedia Ada: Padang A, B Dan C, Gelanggang Bola Jaring, Bangunan Rumah Kelab Bangunan Utiliti, dan Stadium Juara atas Lot 3959, Kompleks Sukan Bukit Kiara, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk Perbadanan Stadium Malaysia | 6,950,000.00 | 26 Januari 2017 | FASA 1: 28 Julai 2017<br>FASA 2: 20 Julai 2017<br>FASA 3: 28 Julai 2017 | FASA 1: 28 Julai 2018<br>FASA 2: 20 Julai 2018<br>FASA 3: 28 Julai 2018 |
| 2 | Cadangan Tambahan dan Perubahan Bagi Menaik Taraf Gelanggang Tenis, Gantian Bumbung serta Kerja Baik Pulih Asrama Kompleks Tenis Tun Razak di atas Lot 6173, Kompleks Sukan Jalan Duta, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk Perbadanan Stadium Malaysia | 4,133,000.00 | 26 Januari 2017 | 11 Ogos 2017 | 11 Ogos 2018 |

| BIL. | PROJEK | KOS PROJEK | TARIKH MULA | TARIKH SIAP | TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Cadangan Tambahan dan Perubahan Bagi Menaik Taraf Gelanggang Skuash, Gantian Bumbung Serta Kerja Baik Pulih Pusat Skuasy Nasional di Bukit Jalil Untuk Perbadanan Stadium Malaysia | 5,488,500.00 | 22 Disember 2016 | 31 Julai 2017 | 31 Julai 2018 |
| 4 | Kerja-Kerja Menaik Taraf dan Membaik Pulih Kemudahan dan Kelengkapan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil Sempena Kejohanan Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur | 4,133,000.00 | 27 Mac 2017 | 19 Jun 2017 | 19 Jun 2018 |
| 5 | Kerja-Kerja Reka Bentuk dan Membina *Outdoor Gym* dan *Kids Gym* di Kawasan Plaza Kuala Lumpur Sports City | 964,600.00 | 23 Jun 2017 | 18 Ogos 2017 | 18 Ogos 2018 |
| 6 | Kerja-Kerja Reka Bentuk dan Membina *SkatePark* di kawasan Plaza, Kuala Lumpur Sports City | 480,000.00 | 15 Jun 2017 | 26 November 2017 | 26 Julai 2018 |
| 7 | Kerja-Kerja Reka Bentuk dan Membina Gelanggang Futsal dan Bola Keranjang di Kawasan Plaza, KL Sports City | 469,060.00 | 15 Jun 2017 | 12 Julai 2017 | 12 Februari 2018 |
| 8 | Kerja-Kerja Menaik Taraf dan Membaik Pulih Kemudahan dan Kelengkapan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil Sempena Kejohanan Temasya Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur | 469,060.00 | 21 Ogos 2017 | 11 September 2017 | 11 September 2018 |

Bagi projek Cadangan Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur – Projek 1 telah mendapat Perakuan Siap Kerja *(Certificate Practical Completion)*. Perincian lengkap seperti jadual berikut.

| BIL. | LOKASI | TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN | TARIKH TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Stadium Nasional | 6 Julai 2017 | 6 Julai 2019 |
| 2 | Axiata Arena | 22 Julai 2017 | 22 Julai 2019 |
| 3 | Pusat Akuatik Nasional | 22 Julai 2017 | 22 Julai 2019 |
| 4 | Stadium Hoki Nasional 1 dan 2 | 22 Julai 2017 | 22 Julai 2019 |
| 5 | Kawasan Plaza dan Infra | 6 Julai 2017 | 6 Julai 2019 |


Certificate of Field Performance

fih.ch/hockeyturf

FIH CERTIFIED FIELD GLOBAL ELITE

This is to certify that the hockey field located at:

*Malaysia National Hockey Stadium, Main Pitch*

*Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia*

was tested on 12/05/2017 by an FIH Accredited Test Institute and shown to satisfy the performance and construction requirements of a Global Elite category field, as detailed in the FIH Hockey Turf & Field Standards (2017 edition)*.

The hockey turf installed on the field is: *XTREME TURF NFH13 - AG*

The hockey turf was manufactured by FIH Preferred Supplier: *ACT Global*

DR. NARINDER DHRUV BATRA
PRESIDENT

Date of Certificate: 30/10/2017

The field is certified until 12/05/2020.

* The results detailed in the test report show the performance of the field at the time it was tested. Failure to maintain the field in accordance with the hockey turf manufacturer's instructions may result in a deterioration in the performance and safety of the field.

FIH reserves the right to retest a certified field at any time to verify ongoing compliance with its standards.

Certificate number: 2017-099

FIH International Hockey Federation Fédération Internationale de Hockey

FIH QUALITY PROGRAMME FOR HOCKEY TURF



## Perancangan Projek/Perolehan Pada Tahun 2018

Bagi projek Cadangan Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur – Projek 2, dijangka bermula pada April 2018 dan disiapkan pada Disember 2020. Antara skop projek kedua yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Pusat beli-belah barangan sukan
- Muzium Sukan dan Perpustakaan Sukan
- Pusat Latihan Sukan dan Gelanggang Sukan
- Hotel bertaraf 3 dan 5 Bintang
- Arena untuk konsert
- Pusat Konvensyen
- Pejabat Perbadanan Stadium Malaysia
- Pusat Komersial Perniagaan
- Taman Belia (*Youth Park*)
- Klinik Sukan
- Pusat makan minum (*F&B Outlets*)
- Parkir bertingkat
- Kerja-kerja landskap dan infrastruktur










# PENGURUSAN ASET

## Aset Alih

Pengurusan Aset Alih merangkumi dua kumpulan iaitu Harta Modal (Aset Alih Dipermodalkan) dan Aset Bernilai Rendah (Aset Alih Tidak Dipermodalkan) melalui pembelian atau perolehan, serahan *venue*, hadiah dan sumbangan. Ia melibatkan proses penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan pelupusan dan hapus kira dengan memastikan segala tatacara penggunaan aset dipatuhi mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA).

## Peruntukan Perolehan Aset

Bagi tahun 2017, PSM merekodkan peruntukan asal bagi perbelanjaan aset adalah sebanyak RM440,000.00 mengikut anggaran belanjawan Peruntukan Mengurus Operasi (M2) tahun 2017. Peruntukan meliputi perbelanjaan pembelian peralatan pejabat, kenderaan, bekalan stok alat tulis, kelengkapan *venue* dan juga peralatan sukan. Bagaimanapun pindahan peruntukan sebanyak RM262,000.00 daripada peruntukan asal dikeluarkan bagi langkah penjimatan dan pembelian mengikut keperluan sahaja setelah Projek Pembangunan Sukan SEA 2017 selesai. Perbelanjaan ini bertambah apabila terdapat kerja-kerja menaik taraf pejabat yang melibatkan pembekalan aset pejabat cawangan sebanyak RM69,522.00 dilakukan.

Sehingga 31 Disember 2017, pindahan peruntukan dan perolehan bagi perbelanjaan aset dan stor adalah sebanyak RM575,415.66. Oleh itu, penyelarasan peruntukan perbelanjaan bertambah kepada RM652,786.48, iaitu kira-kira 88.15% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

**Jadual 1: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Aset Alih Bagi Tahun 2017**

| BIL. | KEMENTERIAN/ JABATAN | PERUNTUKAN TAHUNAN | | JUMLAH PEROLEHAN (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) | PERATUS PERBELANJAAN (%) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | KOD PERBELANJAAN | ASET ALIH DAN STOR | | | | |
| SUKU TAHUN PERTAMA | PSM | 27101, 27800, 34100, 38100 | 440,000.00 | 15,910.45 | 424,089.55 | 3.62% | |
| SUKU TAHUN KEDUA | PSM | 27101,27800, 34100,38101 | 424,089.55 | 19,035.06 | 405,054.49 | 4.49% | peruntukan untuk pembelian peralatan pejabat dijangka akan digunakan selepas sukan SEA |
| SUKU TAHUN KETIGA | PSM | 27101,27800, 26304,28304 | 474,576.49 | 369,384.17 | 105,192.32 | 77.83% | *pindahan peruntukan = RM262,000<br><br>*tambahan peruntukan dan perbelanjaan aset kerja naik taraf pejabat kod 28304 = RM69,522.00 |
| SUKU TAHUN KEEMPAT | PSM | 27101,27800, 26304, 28304, 305-10000013 | 248,456.80 | 171,085.98 | 77,370.82 | 66.86% | *tambahan peruntukan = RM 143,264.48 |
| JUMLAH KESELURUHAN (TAHUN SEMASA) | | | 652,786.48 | 575,415.66 | 77,370.82 | 88.15% | |





## Kedudukan Semasa Harta Modal Dan Aset Bernilai Rendah

Laporan Kedudukan Semasa Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah adalah ringkasan daripada KEW.PA-4 dan KEW.PA-5 yang dikemas kini setelah pelupusan dijalankan oleh Perbadanan Stadium Malaysia sehingga 31 Disember 2017. Ia merupakan ringkasan laporan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aset Boleh Alih Kerajaan (JKPAK) pada setiap suku tahun iaitu empat kali setahun bersidang. Bagi suku tahun keempat, terdapat pertambahan 193 unit aset untuk Harta Modal dan 247 unit untuk Aset Bernilai Rendah dengan nilai RM3,066,484.99 bagi keseluruhan suku tahun keempat. Ini adalah pertambahan aset tajaan Samsung untuk temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang direkodkan. Jumlah keseluruhan pegangan aset bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM27,111,589.34. Jadual yang berikut adalah ringkasan laporan tahunan aset alih bagi tahun 2017.

**Jadual 2: Ringkasan Laporan Tahunan Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah PSM**

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN DI BAWAHNYA | BILANGAN KEWPA-2 | JUMLAH NILAI HARTA MODAL (RM) | BILANGAN KEWPA-3 | JUMLAH NILAI ASET ALIH BERNILAI RENDAH (RM) | JUMLAH NILAI HARTA MODAL + ASET ALIH BERNILAI RENDAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Baki Bawa 2016 | 2353 | 22,090,668.36 | 11,847 | 2,206,779.19 | 24,297,447.55 |
| 1 | Perbadanan Stadium Malaysia 1/2017 | - | - | 44 | 11,426.80 | 11,426.80 |
| 2 | Perbadanan Stadium Malaysia 2/2017 | - | - | 17 | 9,080.00 | 9,080.00 |
| 3 | Perbadanan Stadium Malaysia 3/2017 | - | - | 101 | 69,522.00 | 69,522.00 |
| 4 | Perbadanan Stadium Malaysia 4/2017 | 9 | 933,144.48 | 33 | 18,020.00 | 3,066,484.99 |
| | Penyelarasan aset tambahan 4/2017 | 193 | 1,928,633.23 | 247 | 186,687.28 | |
| | Pelupusan | (102) | (320,082.18) | (952.00) | (22,289.82) | (342,372.00 |
| | Jumlah Keseluruhan | 2,453 | 24,632,363.89 | 11,337 | 2,479,225.45 | 27,111,589.34 |

## Pelupusan Aset Alih

Unit Pengurusan Aset telah melaksanakan pelupusan 1,054 unit aset dengan jumlah perolehan asal sebanyak RM342,372. Hasil pelupusan daripada jualan sisa dan jualan terus bagi peralatan pejabat dan peralatan sukan berjumlah RM12,343,70. Pelupusan ini dilaksanakan kerana aset berkenaan telah lusuh dan tidak digunakan dan dijual untuk memberi pulangan hasil kepada PSM. Nilai perolehan asal bagi kaedah jualan adalah RM333,821.28. Selain itu, kaedah musnah juga melibatkan jumlah nilai perolehan asal sebanyak RM8,550.72. Pelupusan secara musnah dilaksanakan kerana aset tersebut telah rosak dan tiada nilai jualan.

Ringkasan laporan tahunan pelupusan aset alih bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

**Jadual 3: Laporan Tahunan Pelupusan Aset Alih Bagi Tahun 2017**

| BIL. | KEMENTERIAN/ JABATAN | JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM) | KUANTITI PELUPUSAN | HASIL PELUPUSAN | JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL ASET SECARA (RM) | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | JUALAN | E-WASTE | MUSNAH | KAEDAH LAIN (SUMBANGAN) |
| SUKU TAHUN | | | | | | | | |
| 1 | Perbadanan Stadium Malaysia | 73,555.72 | 216 | 6,487.20 | 65,346.00 | | 8,209.72 | |
| 2 | Perbadanan Stadium Malaysia | 193,886.28 | 437 | 2,146.50 | 193,545.28 | | 341.00 | |
| 3 | Perbadanan Stadium Malaysia | 74,930.00 | 401 | 3,7100.00 | 74,930.00 | | | |
| 4 | Perbadanan Stadium Malaysia | - | - | - | - | | | |
| JUMLAH | | 342,372.00 | 1,054 | 12,343.70 | 333,821.28 | | 8,550.72 | |

## Pelupusan Aset Tak Alih

- **Pelupusan Secara Jualan**

  Pengurusan aset tak alih tahun 2017 hanya tertumpu kepada kerja-kerja pelupusan komponen premis dan menaik taraf bagi projek pembangunan Sukan SEA 2017. Ia melibatkan pelupusan aset infrastruktur, komponen bangunan, komponen binaan dan landskap. Ia terdiri daripada kerusi penonton Stadium Nasional, lampu *high mass*, tiang lampu, lampu limpah dan lain-lain komponen kelengkapan bangunan. Ia dilupuskan dengan nilai jualan sisa mengikut kuantiti dan juga lump sum untuk komponen kelengkapan bangunan. Jumlah hasil jualan aset tersebut adalah sebanyak RM105,539.95. Pelupusan ini dilaksanakan bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf dan penggantian aset baharu di *venue* KL Sports City dan cawangan KS Bukit Kiara, KS Jalan Duta dan KS Shah Alam (Panasonic) sebagai persediaan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

**Jadual 4: Pelupusan Secara Jualan Aset Tak Alih**




- **Pelupusan Melalui Sumbangan Hadiah (Program CSR)**

  Pelupusan melalui sumbangan dilaksanakan melalui pemberian kerusi penonton Stadium Nasional kepada sekolah yang membuat permohonan untuk logistik berkenaan. Ia adalah satu kaedah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PSM melalui sumbangan kepada sekolah yang memerlukan. Jadual yang berikut merupakan ringkasan pemohon dan kuantiti kerusi yang disumbangkan kepada sekolah yang memohon.

**Jadual 5: Pelupusan Secara Sumbangan Hadiah (program CSR)**

| BIL. | ORGANISASI | BUTIRAN ASET | KUANTITI | TARIKH PENGELUARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Selayang Utama | Kerusi Stadium Stadium Nasional | 200 | 14/1/2017 1/7/2017 |
| 2 | Sekolah Kebangsaan Sungai Kertas | Kerusi Stadium Stadium Nasional | 400 | 14/1/2017 15/1/2017 |
| 3 | Sekolah Kebangsaan Cherana Putih | Kerusi Stadium Stadium Nasional | 500 | 14/01/2017 25/01/2017 |
| 4 | Sekolah Kebangsaan Gombak Setia | Kerusi Stadium Stadium Nasional | 200 | 14/1/2017 |
| 5 | Sekolah Kebangsaan Kuang | Kerusi Stadium Stadium Nasional | 400 | 15/01/2017 |
| | | JUMLAH | 1,700 | |

# TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan berkaitan Informasi, Maklumat dan Teknologi (ICT) yang berkualiti melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berkesan dan penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan hati pengguna. Unit ini juga bertanggungjawab menyediakan persekitaran perkhidmatan ICT bagi memastikan kecemerlangan dan kecekapan mengurus di Perbadanan Stadium Malaysia (PSM).

## Pencapaian Sepanjang Tahun 2017

Pada tahun 2017, Unit Teknologi Maklumat berjaya melaksanakan beberapa perkara seperti yang berikut:

i) Membangunkan laman sesawang khas untuk KL Sports City (KLSC) yang berciri korporat dan perniagaan yang bersesuaian dengan penjenamaan semula Kompleks Sukan Negara. Ini bertujuan untuk menjadikan KLSC lebih dekat dengan pihak luar terutamanya komuniti sekitar Bukit Jalil.

ii) Menyediakan sistem perkhidmatan rangkaian yang berjaya menaik taraf kemudahan rangkaian WIFI melalui penggunaan peralatan *Access Point* (AP) yang terkini dan dapat menampung penggunaan IPv6 pada masa akan datang.

iii) Unit ini juga telah membangunkan aplikasi secara dalaman bagi penyebaran informasi dan maklumat untuk orang awam mengenai semua stadium di bawah penyelenggaraan PSM. Aplikasi ini boleh di muat turun melalui *Google App Store.*

iv) Membangunkan sistem dalam talian untuk kegunaan kakitangan PSM sahaja bagi memudah cara untuk melaporkan kerosakan dalaman Pusat Data PSM agar ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Semua *server* juga sentiasa dikemas kini dan mempunyai tahap ketersediaan yang tinggi untuk diguna pakai.

v) Berjaya mengurangkan kos penyelenggaraan peralatan komputer sebanyak RM43,500.00 dengan menitikberatkan jadual penyelenggaraan tahunan yang telah dirancang.

## Laman Sesawang KLSC (klsportscity.my)

Laman sesawang ini dibangunkan untuk membolehkan penyampaian maklumat mengenai ciri-ciri KL Sports City (KLSC) dengan lebih interaktif mengikut kehendak semasa. Laman sesawang ini juga akan memaparkan setiap aktiviti yang sedang atau akan berlangsung di KLSC. Berikut merupakan paparan untuk laman sesawang KLSC.



## Sistem Rangkaian WiFi

Sistem ini digunakan untuk pemantauan keadaan semasa kedudukan Internet (WIFI) untuk kakitangan di pejabat Perbadanan. Sistem pemantauan ini membolehkan Unit Teknologi Maklumat membuat analisis dan laporan dengan cepat mengenai status terkini.

**Ruckus Zone Director**




## PSM Info

Membangunkan aplikasi untuk telefon pintar bagi tujuan penyampaian maklumat kepada semua stadium dan maklumat aktiviti yang selari dengan pembangunan teknologi semasa. Aplikasi ini hanya boleh dimuat turun melalui *google play store* (PSM Info). Berikut adalah paparan untuk aplikasi berkenaan:



# CAWANGAN KL SPORTS CITY

Pada tahun 2017, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) yang kini dikenali sebagai KL Sports City (KLSC) telah melalui proses rejuvenasi bagi menaik taraf hampir keseluruhan kemudahan dan fasiliti di KSNBJ merangkumi Stadium Nasional, Axiata Arena, Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional dan Stadium Hoki Nasional bagi menepati piawaian Persekutuan Sukan Antarabangsa sebagai persediaan mengacarakan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN ke-9. Projek naik taraf ini merupakan projek naik taraf KL Sports City Fasa 1 yang melibatkan sejumlah perbelanjaan yang agak besar. Projek ini telah dikendalikan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) iaitu Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dengan penglibatan arkitek terkemuka yang pakar dalam pembinaan dan pengubahsuaian stadium iaitu Populous. Projek Fasa 1 KLSC ini menampilkan konsep mesra rakyat iaitu dengan membangunkan kemudahan rekreasi untuk kegunaan semua lapisan masyarakat termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) seperti trek larian dan berbasikal di sekeliling Stadium Nasional, kawasan Plaza yang dilengkapi dengan gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang, *skate par*k, gimnasium, tempat permainan kanak-kanak serta laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungi stesen LRT Bukit Jalil dengan Stadium Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Axiata Arena. Kawasan landskap juga telah ditambah sebanyak 25% dengan lebih 62 jenis pokok yang ditanam bagi menjadikan persekitaran KLSC lebih mesra alam dan menambah kesegaran udara untuk pengguna. Pemasangan fasad jenis LED di Stadium Nasional dan Axiata Arena menambahkan lagi keunikan kedua-dua stadium ini terutamanya pada waktu malam.

Selain menggantikan kerusi lama, KLSC juga dilengkapi dengan peralatan dari jenama ternama seperti Seiko untuk sistem masa dan pemarkahan, L-Acoustics/Sennheiser untuk sistem audio, Samsung untuk sistem visual dan Bosch untuk sistem kamera litar tertutup. Untuk memastikan sistem telekomunikasi di KLSC dapat memberi perkhidmatan internet yang terbaik dan memudahkan pihak media membuat liputan secara langsung serta orang ramai dapat memuat naik suasana atau aksi mereka di laman media sosial dengan cepat, KLSC juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Edotco Malaysia bagi menaik taraf sistem sedia ada. KLSC juga telah memperkenalkan perkhidmatan Panel selepas berakhirnya temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang bertujuan untuk memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan adalah berpusat, terbaik dan memudahkan pihak penganjur untuk berurusan. Antara lain yang menjadi kebanggaan KLSC adalah kejayaan dalam memeterai perjanjian penjenamaan ke atas Stadium Putra dengan pihak Axiata Group Berhad. Melalui perjanjian ini, KLSC akan memperoleh hasil sebanyak RM 55 juta untuk tempoh selama 10 tahun. Pengurusan KLSC juga turut menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan telah berjaya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Semenjak mula beroperasi pada sekitar temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, KLSC terus menjadi tumpuan dan perhatian dari banyak pihak seperti agensi kerajaan dan korporat, sekolah serta institusi pengajian tinggi yang berminat untuk melawat ke KLSC. Keunikan projek rejuvenasi KLSC juga telah membuatkan projek KLSC dicalonkan untuk anugerah *New and Old – Completed Buildings* di *World Architecture Festival* di Berlin Jerman 2017 dan melalui projek naik taraf ini juga turf Stadium Hoki Nasional I dan II, KLSC telah memperoleh persijilan *FIH Global Elite Turf* yang pertama di dunia, *Class 1 Athletics Facility* dari Pertubuhan Persekutuan Olahraga Antarabangsa untuk trek Stadium Nasional dan Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA) untuk kolam Pusat Akuatik Nasional.

## Prestasi Tahunan

Prestasi tahunan KLSC bagi tahun 2017 menunjukkan peningkatan hasil yang diperoleh berjumlah RM11,927,957.00, berbanding dengan hanya RM6,412,453.00 pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 86% dari tahun sebelumnya. Walaupun dibuka dan beroperasi sekitar temasya Sukan SEA 2017, KLSC berjaya memperoleh hasil tertinggi dengan mengambil kira hasil yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan dan acara di *venue* utama seperti Stadium Nasional, Axiata Arena dan juga kawasan infra (kawasan luar), penajaan serta *Naming Rights* ke atas Stadium Putra dengan pihak Axiata Group Berhad. Bermula pada bulan Oktober 2017, penggunaan *venue* semakin meningkat dengan penggunaan oleh pelbagai pihak bagi penganjuran konsert, sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa serta penggunaan sebagai tempat rekreasi yang bertambah dari bulan ke bulan.

| JAN – DIS 2016 (RM) | JAN – DIS 2017 (RM) | PERBANDINGAN | PERATUS PERBEZAAN (%) |
|---|---|---|---|
| 6,412,453.00 | 11,927,957.00 | 5,515,504.00 | 86% |


KOMPLEKS SUKAN NEGARA










believe
offence
defence
play
support
Asian
games
cup
athletics
let's go Malaysia!
cheer to the end
Malaysia
football
Kuala Lumpur
Bukit Jalil
working together



## Perbandingan Pecahan Pendapatan Secara Bulanan Bagi Tahun 2016 dan 2017

Pecahan pendapatan untuk tahun 2017 jelas menunjukkan bahawa bulan Februari mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM2,280,935.00 diikuti pada bulan Julai sebanyak RM2,026,215.00.




**Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun 2016 dan 2017**




Sebahagian besar pendapatan diperolehi daripada *Naming Rights* di Axiata Arena iaitu RM5,300,000.00 yang menyumbang 44% pendapatan, diikuti sewaan fasiliti berjumlah RM4,100,000.00 iaitu 34% dan sewaan *venue* sebanyak RM2,100.000.00 iaitu 17% dan selebihnya disumbang daripada sewaan tapak telekomunikasi dan ruang niaga. Antara penyumbang utama hasil ialah daripada *Naming Rights* bersama Axiata Group Berhad. Sewaan tapak telekomunikasi dan ruang niaga untuk pendapatan tahun 2017 adalah lebih rendah berbanding 2016 disebabkan oleh penamatan sewaan tapak telekomunikasi di KLSC dan penyewaan ruang niaga masih belum bermula kerana *venue* hanya dibuka pada bulan Julai iaitu sekitar Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

## Pecahan Pendapatan Mengikut Aktiviti




## Pengurusan Acara

Jumlah keseluruhan acara yang berlangsung dari Januari hingga Disember 2017 ialah 111 acara. Jumlah ini mencatatkan penurunan berbanding dengan tahun 2017 yang merekodkan sebanyak 2,359 acara. Bulan Disember merekodkan jumlah acara tertinggi iaitu sebanyak 47 berbanding bulan lain pada tahun 2017. Tiada acara diadakan pada bulan Januari, Februari, April, Jun dan Julai berikutan penutupan *venue* di KL Sports City.

## Pecahan Acara Mengikut Bulan Pada Tahun 2017




## Pecahan Pendapatan Acara Pada Tahun 2017



## Jumlah Pendapatan Mengikut Kategori Acara




## Pendapatan Sewaan dan Jumlah Acara Mengikut *Venue*



## Carta Perbandingan Pendapatan Mengikut Kategori Acara bagi Tahun 2013 hingga Tahun 2017

### Acara Bukan Sukan




### Acara Bukan Sukan (Pendapatan)




### Acara Sukan




### Acara Sukan (Pendapatan)




### Acara Latihan Sukan




### Acara Latihan Sukan (Pendapatan)



# GALERI ACARA KL SPORTS CITY

**Lawatan Sekretariat Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (MASOC) | Pameran Perabot Big Home Expo | Lawatan Ketua Setiausaha KBS ke Stadium Hoki Nasional | Perlawanan Bola Sepak Liga Komuniti | Lawatan Daripada Samsung Malaysia | Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-71 | Lawatan Daripada Kementerian Belia dan Sukan, Brunei | Latihan Keselamatan Polis DiRaja Malaysia | Lawatan Ketua Setiausaha KBS ke Pusat Akuatik Nasional | Lawatan Daripada Majlis Olimpik Malaysia | Lawatan Daripada Kedutaan Brunei di Malaysia | Lawatan Daripada Sekretariat Karnival Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 | Lawatan Ketua Setiausaha Ke Axiata Arena**















# GALERI ACARA KL SPORTS CITY

**Lawatan Daripada ALIFE | Lawatan Daripada Allianze Insurance | Lawatan Daripada Menteri Belia dan Sukan (Drone) | Lawatan Dari Aladdin Street | Majlis Pelancaran ASTRO ARENA Sebagai Penyiar Rasmi | Jamuan Hari Raya KBS | Seminar Community Sports Hub | Majlis Pelancaran Program 1 Pingat 1 Pokok | Lawatan Daripada Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi | Perhimpunan Sukarelawan | Larian Obor Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 | Sidang Media Majlis Pembukaan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017**















# GALERI ACARA KL SPORTS CITY

**Lawatan Sempena Persiapan Sukan Para ASEAN | 5 Aside Football Tournament, Sukan Para ASEAN | Flag Rising Sukan Para ASEAN| Majlis Pembukaan Sukan Para ASEAN | Olahraga Sukan Para ASEAN | Acara Renang, Sukan Para ASEAN | Majlis Anugerah SHAKAM | FINA Diving Competition | Sambutan Hari Sukan Negara | Karnival Deepavali | Kejohanan Renang Jarak Sederhana dan Jarak Jauh Kali Ke-2 | Konsert Illaya Raaja**


















# GALERI ACARA KL SPORTS CITY

**Larian Baton Sukan Komanwel | Lawatan Daripada MyCeb | Lawatan Daripada SK Baling, Kedah | Lawatan Daripada SK Bukit Rahmat, Johor | Ohana Squash Malaysia Open | Pameran Kereta | Life Runner Clinic | Konsert Ed Sheeran | Konsert GEM | Lawatan Daripada AIA | Lawatan Daripada Kolej Universiti Widad, Melaka | Lawatan Daripada SK Sri Kinta**














# GALERI ACARA KL SPORTS CITY

**Majlis Penanaman 1 Pokok 1 Pingat | Music Run | Sidang Media Konsert Natcha Thira Vizha | Sidang Media Sportsfix | Townhall Edotco Malaysia | Konsert Rock The World | Lawatan Daripada UiTM Shah Alam | Lawatan Daripada UKM, Bangi | Red Tone 11th KL Junior Open Squash Championship | Sidang Media Boost Supercup**


























# CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA

Kompleks Sukan Jalan Duta (KSJD) mula diambil alih oleh Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) daripada pengurusan Majlis Sukan Negara (MSN) pada tahun 2009 dan diuruskan oleh seorang Penolong Pengurus serta beberapa orang kakitangan. Bagaimanapun, pada tahun 2016 Pengurusan KSJD telah diperkasakan lagi melalui penstrukturan semula dengan meletakkan seorang Pengurus Besar dan beberapa orang pegawai bagi merancakkan lagi aktiviti dan operasi KSJD. Kompleks ini terdiri dari tiga (3) *venue* utama iaitu Pusat Tenis Nasional, Stadium Hoki Tun Razak, Pusat Skuasy Jalan Duta dan sebuah bangunan asrama. Memandangkan kedudukan lokasi KSJD yang berhampiran dengan Pusat Bandar, kompleks ini sering menjadi pilihan para pencinta sukan skuasy, tenis dan hoki di sekitar Kuala Lumpur. Suatu ketika dahulu kompleks ini pernah mengacarakan pelbagai kejohanan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN, KSJD turut menjadi salah satu *venue* bagi acara kejohanan tenis. Bagi memastikan kemudahan yang disediakan menepati piawaian dan kehendak penganjuran, 11 gelanggang luar Pusat Tenis Nasional telah dinaik taraf dengan menggunakan bahan-bahan yang sama dengan permukaan gelanggang tenis terbuka di Amerika Syarikat yang diiktiraf oleh Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) seperti:

- 3 lapisan *deco turf cushion*;
- 2 lapisan *deco base cushion*; dan
- 2 lapisan *deco color textures*;

Dalam aspek Pengurusan Acara, KSJD berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan pengurusan acara kepada semua penganjur bagi acara sukan dan bukan sukan.

## Fasiliti Yang Disediakan

KSJD mempunyai tiga (3) *venue* utama iaitu Pusat Tenis Nasional, Stadium Hoki Tun Razak dan Pusat Skuasy Nasional. Pusat Tenis Nasional terdiri daripada 13 gelanggang luar dan tiga (3) gelanggang tertutup. Gelanggang tertutup mampu memuatkan seramai 300 orang penonton manakala gelanggang luar boleh memuatkan seramai 800 orang penonton. Pusat Tenis ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan asrama yang mempunyai 25 bilik dan 12 dometri untuk penginapan antara 130 hingga 150 orang pada satu-satu masa. Selain itu ia turut dilengkapi dengan kafeteria, bilik mesyuarat, bilik menunggu kenamaan dan lain-lain lagi. Antara acara yang pernah dianjurkan di sini seperti *Davis CUP*, Kejohanan Tenis Sukan SEA 1989, *Wismillak Open*, *ITF Futures* dan banyak lagi.

Stadium Hoki Tun Razak yang mengambil nama sempena nama Perdana Menteri Kedua Malaysia, terletak berhadapan dengan Pusat Tenis Nasional merupakan stadium hoki pertama di Malaysia yang menggunakan padang jenis astrotuf dengan kapasiti seramai 5,000 orang penonton. Stadium ini juga pernah mengacarakan kejohanan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Manakala Pusat Skuasy Jalan Duta yang terletak di bahagian belakang Stadium Hoki Tun Razak dilengkapi dengan lapan (8) gelanggang dan 200 tempat duduk penonton. Ia mula digunakan sejak tahun 1984 dan menjadi pilihan utama bagi pemainan skuasy di sekitar Kuala Lumpur. *Venue* ini turut menjadi gelanggang latihan dan pertandingan skuasy bertaraf kebangsaan selain menempatkan pejabat Persatuan Skuasy Kuala Lumpur.

## Prestasi Tahunan

Pendapatan yang diperoleh untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM443,537.74 berbanding dengan RM549,132.19 pada tahun 2016. Pengurangan sebanyak RM105,595.05 ini disebabkan oleh penutupan Pusat Tenis Nasional selama enam bulan bagi membolehkan kerja-kerja menaikkan taraf Pusat Tenis Nasional dilakukan sempena penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN Ke-9. Berikut adalah jadual perbandingan peratusan tahunan KSJD bagi tahun 2016 dan 2017.

| JAN – DIS 2016 (RM) | JAN – DIS 2017 (RM) | PERBEZAAN | PERATUS PERBEZAAN (%) |
|---|---|---|---|
| 549,132.19 | 443,537.74 | -105,595.05 | -23 peratus |


KOMPLEKS SUKAN NEGARA
SELAMAT DATANG











**Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun 2016 dan 2017**




## Pendapatan Aktiviti Pembangunan Perniagaan

Sebahagian besar pendapatan diperoleh daripada sewaan *venue* yang berjumlah RM228,760.15, diikuti oleh kutipan program rekreasi yang berjumlah RM96,040.59, sewaan bilik berjumlah RM20,250.00 dan sewaan ruang niaga sebanyak RM17,930.45. Selebihnya disumbang oleh lain-lain aktiviti seperti sewaan asrama, lot perniagaan, sewaan *vending machine* dan sewaan bilik. Selain itu pendapatan KSJD turut diperoleh daripada tuntutan balik bayaran elektrik, air dan pembentungan serta pelbagai pendapatan. Pendapatan 2017 lebih rendah berbanding 2016 disebabkan oleh penutupan Pusat Tenis Nasional selama enam (6) bulan bagi kerja-kerja naik taraf sukan SEA dan sukan Para ASEAN.

**Pecahan Pendapatan Mengikut Aktiviti**




**Pecahan Pendapatan Mengikut *Venue* dan Aktiviti**



## Pengurusan Acara

### Jumlah Keseluruhan Acara

Jumlah keseluruhan acara yang berlangsung dari Januari hingga Disember 2017 ialah 2,077 acara. Bulan Januari merekodkan jumlah acara tertinggi iaitu sebanyak 602 diikuti berbanding dengan bulan-bulan lain sepanjang tahun 2017. Bulan November merekodkan bilangan acara terendah dengan satu (1) acara sahaja.

**Pecahan Acara Mengikut Bulan Pada Tahun 2017**




**Pecahan Pendapatan Mengikut Bulan Pada Tahun 2017**




Sepanjang 2017, sebanyak 2,077 acara telah berlangsung di Kompleks Sukan Jalan Duta terdiri daripada 113 acara sukan dan 1,944 latihan sukan.

**Jumlah Pendapatan Mengikut Kategori Acara**



# GALERI ACARA KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA (KSJD)

**Hoki Final Piala Tan Sri P. Alagendra | Separuh Akhir 2 Liga Hoki Wanita Dunia – Malaysia vs Itali | CIMB Squash 12th Rising Stars, National Junir Circuit | Tenis Sukan Para ASEAN | Lawatan Daripada Ketua Setiausaha KBS | IBS Blind Football ASIA | Tennis With Nick Bollettieri | Lawatan Daripada Menteri Belia dan Sukan**



















# CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA

Kompleks Sukan Bukit Kiara (KSBK) ditadbir oleh Perbadanan Stadium Malaysia mulai tahun 1998. Bagaimanapun, mulai 1 November 2016, Kompleks Sukan Bukit Kiara ditadbir menjadi sebuah cawangan yang diterajui oleh Pengurus Besar Cawangan dan beberapa orang pegawai untuk menjadi pengurusan yang lebih tersusun. Cawangan ini bertindak untuk mentadbir Kompleks Sukan Bukit Kiara terutamanya fasiliti yang terdapat di sini, antaranya:

- Stadium Juara
- Rumah Kelab
- Bangunan Utiliti
- Satu (1) unit gelanggang Boling Padang berbumbung dan dua (2) unit tidak berbumbung
- Dua (2) unit gelanggang Bola Jaring

Pengurusan KSBK bertanggungjawab mengurus, membaik pulih, menyelenggara dan menjalankan operasi keseluruhan aspek kemudahan merangkumi penyelenggaraan elektrikal, mekanikal, audio visual dan komunikasi, kebersihan, sivil dan struktur, *Green* boling padang, lantai gelanggang bola jaring, arkitektural serta pengurusan keselamatan awam dan bangunan. Selain itu, Pengurusan KSBK juga bertanggungjawab untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti perniagaan selain berperanan untuk mentadbir secara keseluruhan aktiviti cawangan dan juga melaksanakan penjimatan perbelanjaan dengan lebih fokus. Dalam aspek Pengurusan Acara, Pengurusan KSBK berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan pengurusan acara kepada semua penganjur bagi acara sukan dan bukan sukan.

## Fasiliti Yang Disediakan

KSBK mempunyai dua (2) kemudahan utama iaitu Stadium Juara dan Pusat Boling Padang. Stadium Juara merupakan gelanggang tertutup bagi sukan bola jaring yang boleh menempatkan dua gelanggang dengan kapasiti 856 tempat duduk dan dua unit gelanggang luar bagi tujuan latihan. Pusat Boling Padang pula terdiri daripada bangunan Rumah Kelab dan tiga padang sintetik dengan kapasiti 747 tempat duduk penonton. Padang sintetik tersebut telah siap sepenuhnya untuk kegunaan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan telah mendapat pengiktirafan *World's Bowl Certification* daripada Labosport Australasia PTY LTD. Pada masa yang sama satu Akademi Badminton sedang dalam pembinaan di dalam premis KSBK dan bakal menjadi satu arena baru untuk diurus dan diselenggara oleh Pengurusan KSBK.



## Prestasi Tahunan

Prestasi tahunan KSBK menunjukkan penurunan iaitu pendapatan yang diperoleh adalah berjumlah RM452,059.37 berbanding dengan RM589,800.20 pada tahun 2016. Berlaku penurunan -23.35% dari tahun sebelumnya.Ini disebabkan KSBK juga terlibat dalam kerja-kerja pembaikan bagi persediaan menghadapi temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang berlangsung pada 16 hingga 30 Ogos 2017. KSBK dibuka sepenuhnya untuk aktiviti sukan dan bukan sukan mulai 1 Oktober 2017 setelah berakhirnya Sukan Para ASEAN ke- 9. Kesemua kemudahan di KSBK digunakan semasa temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan antara sukan dan *venue* yang terlibat adalah seperti berikut:

- 14 – 20 Ogos 2017 - Stadium Juara (Bola Jaring)
- 22 – 27 Ogos 2017 - Pusat Boling Padang (Boling Padang)
- 28 – 29 Ogos 2017 - Stadium Juara (Pencak Silat)



| JAN – DIS 2016 (RM) | JAN – DIS 2017 (RM) | PERBANDINGAN | PERATUS PERBEZAAN (%) |
|---|---|---|---|
| 589,800.20 | 452,059.37 | -137,740.83 | -23.35% |














KOMPLEKS SU
AN NEGARA BUKIT KIAR

**Perbandingan Pecahan Pendapatan Mengikut Bulan Bagi Tahun 2016 Dan 2017**




Pecahan pendapatan untuk tahun 2017 mengikut bulanan jelas menunjukkan bahawa Disember mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM101,957.94 diikuti bulan November yang mencatatkan sebanyak RM57,771.84. Jumlah keseluruhan pendapatan adalah merangkumi aktiviti pembangunan perniagaan, hasil daripada pelbagai pendapatan dan terimaan balik utiliti.

**Perbandingan Pendapatan Bagi Tahun 2016 dan 2017**




## Pendapatan Aktiviti Pembangunan Perniagaan

Sebahagian besar pendapatan diperoleh daripada hasil sewaan tapak telekomunikasi yang berjumlah RM179,158.80 yang menyumbang 54.6% pendapatan, diikuti oleh sewaan *venue* yang berjumlah RM55,795.00 (17.01%) dan sewaan rekreasi sebanyak RM30, 914.34 (17%). Selebihnya disumbang oleh lain-lain aktiviti seperti sewaan lot perniagaan, sewaan ruang pejabat, sewaan ruang niaga, sewaan *vending machine*, sewaan bilik serta sewaan kemudahan dan peralatan. Selain itu pendapatan KSBK turut disokong oleh tuntutan balik bayaran elektrik, air dan pembentungan serta pelbagai pendapatan. Pendapatan 2017 lebih rendah berbanding 2016 disebabkan oleh penutupan KSBK bagi kerja-kerja naik taraf sukan SEA dan sukan Para ASEAN.

## Pecahan Pendapatan Mengikut Aktiviti




## PENGURUSAN ACARA

### Jumlah Keseluruhan Acara

Sepanjang tahun 2017, sebanyak lapan acara telah berlangsung di Kompleks Sukan Bukit Kiara yang terdiri daripada enam (6) sukan dan dua (2) bukan sukan.

- Sukan Sea ke 29 | 16-30 Ogos
- Netball Friendly Match (FAFAU Team VS MALAYSIA Team) | 7 Oktober
- Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan | 27-29 Oktober
- Kejohanan Lawan Bowling Piala Hang Tuah | 28 Oktober
- Persatuan Lawan Pedang Kuala Lumpur | 11-12 November
- Majlis Harijadi Ariqa | 18 November
- Sukan Mahasiswa/i Universiti Malaya (SUKMUM) | 11-12 November
- Asian Battle Ground 2017 | 2 Disember

### Pecahan Acara Mengikut Bulan Pada Tahun 201



## Pecahan Pendapatan Acara Mengikut Bulan Pada Tahun 2017




## Jumlah Pendapatan Mengikut Kategori Acara



# GALERI ACARA KS BUKIT KIARA (KSBK)

**Lawatan Daripada Ketua Setiausaha KBS – Persiapan Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 | Klinik Boling Padang | Hari Sukan Negara | Latihan Rusuhan PDRM**












# CAWANGAN KOMPLEKS SUKAN SETIAWANGSA

Kompleks Sukan Setiawangsa (KSSW) dirasmikan oleh YB Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada 14 Jun 2014 dan telah diserahkan kepada Pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) pada 1 April 2016 untuk diurus dan diselenggara. Kompleks Sukan Setiawangsa ditadbir menjadi sebuah cawangan yang diterajui oleh Pengurus Besar Cawangan dan beberapa orang pegawai untuk menjadi pengurusan yang lebih tersusun. Cawangan ini bertindak untuk mentadbir KSSW terutamanya fasiliti yang terdapat di sini, antaranya:

- Mini Stadium yang terdiri daripada Astaka berkapasiti 288 unit tempat duduk, padang bola bersaiz 106m x 66meter, stor peralatan sukan, trek larian 400meter x 6 lorong dan kawasan untuk bersenam;
- Dewan Serbaguna berkapasiti 240 unit tempat duduk yang berkeluasan 51.7 x 31.7 meter dan mempunyai sembilan (9) gelanggang badminton;
- Kolam Renang berkeluasan 50 x 21 meter dan berkedalaman 1.5 hingga 5.0 meter;
- Bilik Serbaguna berkeluasan 12.2 x 7.8 meter yang boleh memuatkan seramai 100 orang pada satu masa;
- Kiosk Perniagaan peralatan sukan dan kafeteria;dan
- Tempat Meletak Kenderaan yang merangkumi 84 lot kereta, 21 lot motosikal dan 2 lot untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).

Selain bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelenggara KSSW, Pengurusan KSSW juga bertanggungjawab dalam menyelaras kutipan hasil sewaan daripada penyewa kompleks sukan, menyediakan kemudahan yang boleh diguna pakai pada setiap masa menerusi penyelenggaraan berjadual dan memberi perkhidmatan terbaik kepada para pengguna kompleks.














## Prestasi Tahunan

Walaupun hampir dua tahun mentadbir dan menguruskan KSSW, namun hasil yang diperoleh amat memberangsangkan kerana KSSW menjadi pilihan dan tumpuan masyarakat sekitar dalam menganjurkan acara dan beriadah dengan mengambil kira lokasinya yang berhampiran dengan pusat bandar dan tiada prasarana sukan yang lain didirikan di kawasan berkenaan. KSSW memperoleh hasil sebanyak RM532,730.90 dengan aktiviti rekreasi menjadi penyumbang tertinggi.

| APRIL – DISEMBER 2016 (RM) | JANUARI – DISEMBER 2017 (RM) | PERBANDINGAN | PERATUS PERBEZAAN (%) |
|---|---|---|---|
| 159,246.30 | 532,730.90 | 373,484.60 | 70.10% |

## Perbandingan Pecahan Pendapatan Mengikut Bulan Bagi Tahun 2016 dan 2017



Pecahan pendapatan untuk tahun 2017 mengikut bulanan, sukuan keempat mencatatkan perolehan hasil tertinggi iaitu RM157,641.14 diikuti sukuan ketiga dengan RM133,023.43 dan seterusnya sukuan pertama dan kedua yang masing-masing mencatatkan hasil sebanyak RM121,062.75 dan RM121,003.58. Graf juga menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016. Tiada hasil dicatatkan bagi tiga (3) bulan pertama pada tahun 2016 kerana Cawangan KSSW mula diambil alih oleh pihak PSM pada bulan April 2016.

Carta berikut menunjukkan bahawa sewaan *venue* merupakan penyumbang utama hasil di KSSW dengan pendapatan sebanyak RM235,118.90 diikuti Program Rekreasi Badminton yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM155,846.00.

## Pecahan Pendapatan Mengikut Aktiviti Pada Tahun 2017




## Jumlah Keseluruhan Acara Bagi Tahun 2017

| JAN – MAC | APR - JUN | JULAI - SEPT | OKT - DIS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| 4,841 | 4,341 | 5,470 | 5,463 | 20,115 |

## Pecahan Acara Mengikut Bulan Pada Tahun 2017



Jumlah keseluruhan acara yang berlangsung dari Januari hingga Disember 2017 ialah 20,115 acara. Jumlah ini mencatatkan peningkatan berbanding dengan tahun 2016 yang merekodkan sebanyak 11,533 acara sahaja. Bulan Mac merekodkan jumlah acara tertinggi iaitu sebanyak 2,326 berbanding dengan bulan-bulan lain sepanjang tahun 2017. Bulan Januari merekodkan bilangan acara terendah dengan 435 sahaja berikutan penutupan Padang Bola Sepak bagi kerja-kerja pembaikan serta penutupan Dewan Serba Guna untuk kerja-kerja pembaikan lantai gelanggang.

## Pecahan Pendapatan Mengikut Bulan Pada Tahun 2017




Graf menunjukkan bulan November 2017 merekodkan pendapatan hasil tertinggi iaitu sebanyak RM62,128.64.

## Pendapatan Dan Jumlah Acara Mengikut Kategori Penggunaan




Latihan / Rekreasi Sukan menjana hasil tertinggi bagi tahun 2017 yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM175,246.00 dengan catatan 19,579 aktiviti.

### Acara Sukan



**Acara Bukan Sukan**




**Latihan/Rekreasi Sukan**






# GALERI ACARA KS SETIAWANGSA (KSSW)

**Larian Obor | Hari Sukan Negara**
















# PERANCANGAN MASA HADAPAN

# PERANCANGAN MASA HADAPAN

Setelah berjaya menjenamakan Stadium Putra yang kini dikenali sebagai Axiata Arena, PSM akan terus melebarkan sayapnya untuk menjenamakan lain-lain *venue* di bawah pengurusan PSM mengikut kesesuaian *venue* berkenaan. Melalui perjanjian penjenamaan *(Naming Rights*) Stadium Putra dengan pihak Axiata Group Berhad selama 10 tahun, PSM memperoleh sebanyak RM5 juta pada setiap tahun dan yang terkini adalah perjanjian selama lima (5) tahun bersama F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (100Plus) yang memberikan pulangan hasil sebanyak RM1 juta pada setiap tahun. Justeru *Naming Rights* dilihat sebagai satu strategi perniagaan yang terbaik dalam membantu meningkatkan pungutan hasil kepada PSM.

Bagaimanapun, untuk memastikan pengurusan *venue* yang terbaik, PSM tidak boleh hanya bergantung dengan aktiviti sedia ada sahaja. PSM perlu memastikan semua bahagian dan kompleks cawangan terus aktif dan efisien untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan baharu dan merancang kepelbagaian acara serta aktiviti yang mampu untuk menarik lebih banyak pihak untuk menggunakan kemudahan dan fasiliti yang diuruskan oleh PSM.

Selain itu, PSM juga akan terus membina jambatan perhubungan dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran tidak kira swasta atau pun kerajaan melalui perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) seperti yang diamalkan di luar negara. MoU ini memfokuskan kepada kebolehpasaran graduan yang mencakupi aspek keserasian (*compatibility*), kefleksibelan (*flexibility*), kebolehpercayaan (*realibility*) dan kepekaan (*sensibility*) bagi menambah baik pengurusan PSM. Jalinan kerjasama ini akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak dimana kebolehpasaran ini merupakan kayu pengukur kepada kualiti graduan yang dihasilkan. Kerjasama ini juga dilihat dapat memperkukuh, memupuk dan mengembangkan lagi perkongsian maklumat, ilmu pengetahuan dan pengalaman masing-masing dalam pelbagai aspek latihan, kemajuan kerjaya, perancangan, pembangunan dan sebagainya.

Untuk menjadi hab sukan dan bukan sukan utama pilihan semua pihak, PSM akan memastikan pengurusan sumber manusianya terus mampan ke arah merealisasikan *succession planning*, pengurusan kewangan yang cekap serta mencapai pensijilan MS ISO 9001:2015 sebagai jaminan dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna yang menggunakan kemudahan dan fasiliti PSM.



# GALERI
# ACARA SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017 DAN AKTIVITI PSM

# GALERI ACARA SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017

**Majlis Pembukaan | Badminton Axiata Arena Malaysia vs Indonesia | Boling Padang | Dupuy @ Carnival | Final Hoki Lelaki Malaysia vs Myanmar | Final Hoki Wanita | Futsal di KS Shah Alam (Panasonic) | Pertunjukan Skate Board – Isamu Yamamoto | Karnival @Plaza | Karnival Sukan SEA | Larian Obor Sukan SEA - FIT Malaysia | Lawatan Menteri Belia dan Sukan ke Karnival Sukan SEA | Silat di KS Bukit Kiara | Skuasy Sukan SEA | Majlis Penutup | Foodtruck**


















# GALERI AKTIVITI PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

**Bengkel Pemahaman Bajet | Pelancaran Naiming Rights Axiata Arena | Kursus MPERS for Government Agencies and Government Business Entities | CSR1 Health Screening bersama IMU | Kursus Penyediaan Spesifikasi | Bengkel Manual Pengurusan Kualiti | Kursus Klasifikasi Fail | Kursus Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih | Majlis Meraikan Ahli Lembaga PSM | Temubual Ketua Pegawai Eksekutif Bersama RTM | Lawatan Pengerusi PSM ke KS Bukit Kiara | Lawatan Pengerusi ke KS Shah Alam (Panasonic) | Majlis Persaraan Kakitangan PSM | Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan | Majlis Tadarus Al-Quran | Temubual Ketua Pegawai Eksekutif Bersama Akhbar Sin Chew Daily | Temubual Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA | Temubual Ketua Pegawai Eksekutif bersama TV3 | Sidang Media Karnival Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 | Kursus PUSPANITA - Bengkel Kraf Tangan dari Suratkhabar | CSR - Gotong Royong Bersama IMU | Sidang Media Commercial Partners for KL Sports City | MoU Bersama F&N Beverages Marketing Sdn Bhd | MoU PSM Bersama Institut Latihan Kemahiran, KBS | MoU Bersama Edotco Malaysia**
























AKADEMI














PRESS CONFERENCE
KARNIVAL










PRESS CONFERENCE
COMMERCIAL PARTNERSHIP for KLSC


MYDIN



# ANALISA PRESTASI KEWANGAN

# KEWANGAN

## Analisa Prestasi Kewangan

Bahagian Kewangan bertanggungjawab dalam menyelaraskan urusan kewangan PSM yang merangkumi sumbangan kerajaan, pendapatan, penyata untung rugi, proses perolehan dan kawalan kredit.

## Sumbangan Kerajaan

Sepanjang tahun 2017, PSM mengawal dan berjimat cermat terhadap aliran wang agar ia selaras dengan Belanjawan Negara yang melaksanakan perbelanjaan berhemah. PSM sentiasa peka dalam memastikan pengurusan kewangan berjalan dengan lancar kerana secara tidak langsung ia memberi kesan pada pengurusan *venue* yang dilaksanakan. Pengurusan *venue* yang bersistematik, efisien dan berinovatif diperlukan bagi mempertingkatkan kemajuan dalam aktiviti sukan dan rekreasi untuk memastikan industri pengurusan *venue* ini mampu memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik.

PSM menerima sumbangan kerajaan sebanyak RM8,000,000.00 pada tahun 2017. Jadual menunjukkan jumlah sumbangan kerajaan yang diterima oleh PSM dari tahun 2013 hingga 2017.

| 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|
| 42,500,000 | 34,666,800 | 24,000,000 | 11,871,400 | 8,000,000 |

**Sumbangan Geran Kerajaan kepada PSM Bagi Perbelanjaan Mengurus Penyelenggaraan**



## Pendapatan Sewaan

Pendapatan sewaan adalah pendapatan yang dijana oleh PSM melalui aktiviti sewaan stadium dan lain-lain aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan PSM sepanjang tahun seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual. Selain itu, PSM juga mempunyai pendapatan baharu mulai tahun 2017 iaitu pendapatan daripada aktiviti penajaan.

Jadual turut menunjukkan jumlah pendapatan sewaan yang diterima dari tahun 2013 hingga 2017.

| TAHUN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| Sewa Stadium | 7,452,700 | 4,623,713 | 7,888,571 | 2,183,947 | 2,104,912 |
| Sewa Gerai, Kiosk dan Pusat Penjaja | 645,900 | 3,841,484 | 4,137,188 | 2,719,772 | 2,859,659 |
| Penajaan | - | - | - | - | 6,830,529 |
| Terimaan Balik Bayaran Elektrik | 1,113,738 | 1,084,964 | 1,493,657 | 1,091,793 | 3,399,744 |
| Terimaan Balik Air/ Pembetungan/Lain-lain | 81,723 | 152,747 | 429,788 | 106,534 | 127,043 |
| Kutipan Rekreasi | 224,401 | 125,364 | 165,758 | 239,401 | 287,644 |
| Sewa Kemudahan dan Peralatan | 238,147 | 99,320 | 195,221 | 155,849 | 108,432 |
| Pelbagai Pendapatan | 2,353,405 | 2,081,877 | 525,084 | 2,763,610 | 2,996,063 |
| Faedah | 1,781,823 | 2,065,834 | 2,545,932 | 2,439,120 | 624,335 |
| JUMLAH | 13,891,837 | 14,075,303 | 17,381,199 | 11,700,026 | 19,338,361 |

**Agihan Pendapatan PSM pada tahun 2017**



## Pendapatan PSM

Jumlah pendapatan PSM yang dilaporkan mengambil kira semua sumber pendapatan termasuk sumbangan kerajaan dan semua aktiviti yang dilaksanakan oleh PSM.

| SUMBER | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| Peruntukan Mengurus | 42,500,000 | 34,666,800 | 24,000,000 | 11,871,400 | 8,000,000 |
| Peruntukan Pembangunan Yang Dilunaskan | 15,099,249 | 6,337,253 | 2,141,646 | 7,789,505 | 34,938,029 |
| Perlunasan Aset Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak | 227,069 | 235,874 | 235,874 | - | - |
| Sewaan Stadium Dan Lain-Lain | 13,891,837 | 14,075,303 | 17,381,199 | 11,700,026 | 19,338,361 |
| JUMLAH | 71,718,155 | 55,315,230 | 43,758,719 | 31,360,931 | 62,276,390 |

## Penyata Akaun Untung Rugi PSM

Secara keseluruhannya pendapatan pada tahun 2017 meningkat berbanding tahun 2016. Ini disebabkan PSM mempunyai pendapatan baharu mulai tahun 2017 iaitu hasil daripada aktiviti penajaan. Antara penajaan yang diperoleh oleh PSM adalah penajaan *Naming Rights* di Axiata Arena. Selain itu, peruntukan mengurus yang diterima dari kerajaan telah berkurangan kepada RM8,000,000.00 sahaja bagi tahun 2017 berbanding peruntukan mengurus yang diterima pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM11,871,400.00. Berdasarkan jadual berikut pendapatan PSM yang diperolehi daripada hasil sewaan stadium dan lain-lain pendapatan pada tahun 2017 telah meningkat kepada RM19,338,361.00 berbanding RM11,700,026.00 pada tahun 2016. Ini adalah termasuk hasil penajaan tahun 2017. Jumlah Perbelanjaan pada tahun 2017 telah meningkat kepada RM86,996,212.00 berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak RM39,601,266.00. Peningkatan ini disebabkan oleh kerja-kerja naiktaraf beberapa komplek sukan di bawah seliaan PSM bagi temasya sukan SEA ke 29 yang telah dianjurkan. Pada keseluruhannya, jumlah kurangan pendapatan selepas cukai pada tahun 2017 ialah sebanyak RM-24,719,822.00 berbanding kurangan pendapatan selepas cukai sebanyak RM-14,812,920.00 pada tahun 2016. Perbandingan dapat dilihat dari carta yang telah disediakan dan maklumat lengkap seperti Penyata Untung Rugi dan carta berikut:-

| PERBANDINGAN PENYATA UNTUNG RUGI PSM BAGI TAHUN 2013 - 2017 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAHUN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
| Sumbangan Kerajaan | 42,500,000 | 34,666,800 | 24,000,000 | 11,871,400 | 8,000,000 |
| Sewa Stadium | 7,452,700 | 4,623,713 | 7,888,571 | 2,183,947 | 2,104,912 |
| Sewa Gerai, Kiosk dan Pusat Penjaja | 645,900 | 3,841,484 | 4,137,188 | 2,719,772 | 2,859,659 |
| Penajaan | - | - | - | - | 6,830,529 |
| Terimaan Balik Bayaran Elektrik | 1,113,738 | 1,084,964 | 1,493,657 | 1,091,793 | 3,399,744 |
| Terimaan Balik Air/ Pembetungan | 81,723 | 152,747 | 429,788 | 106,534 | 127,043 |
| Kutipan Rekreasi | 224,401 | 125,364 | 165,758 | 239,401 | 287,644 |
| Sewa Kemudahan dan Peralatan | 238,147 | 99,320 | 195,221 | 155,849 | 108,432 |
| Pelbagai Pendapatan | 2,353,405 | 2,081,877 | 525,084 | 2,763,610 | 2,996,063 |
| Faedah | 1,781,823 | 2,065,834 | 2,545,932 | 2,439,120 | 624,335 |
| Pelunasan Geran Pembangunan | 15,099,249 | 6,337,253 | 2,126,823 | 7,789,505 | 34,938,029 |
| Pelunasan Aset Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak | 227,069 | 235,874 | - | - | - |
| **PENDAPATAN** | **71,718,155** | **55,315,230** | **43,508,022** | **31,360,931** | **62,276,390** |

| TAHUN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| Emolumen | 4,999,111 | 5,413,415 | 6,218,478 | 7,266,221 | 8,149,628 |
| Pembaikan dan Penyelenggaraan Stadium | 20,621,165 | 22,027,963 | 15,427,053 | 9,968,712 | 14,627,902 |
| Belanja Mengurus | 10,692,065 | 21,233,232 | 15,938,767 | 14,576,828 | 29,280,653 |
| Belanja Pembangunan | 15,084,416 | 6,321,496 | 1,666,023 | 7,789,505 | 34,938,029 |
| **PERBELANJAAN** | **51,396,757** | **54,996,106** | **39,250,321** | **39,601,266** | **86,996,212** |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | **20,321,398** | **319,124** | **4,257,701** | **(8,240,335)** | **(24,719,822)** |
| Cukai | (317,492) | (1,839,472) | (276,925) | (6,572,585) | - |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | **20,003,906** | **(1,520,348)** | **3,980,776** | **(14,812,920)** | **(24,719,822)** |

**Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Penyata Untung Rugi PSM bagi Tahun 2013-2017**



## PEROLEHAN

Pengurusan perolehan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) telah dilaksanakan oleh dua (2) bahagian iaitu Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti. Perolehan bekalan dan perkhidmatan diurus serta dilaksanakan oleh Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, manakala perolehan perkhidmatan yang memerlukan aspek teknikal yang terperinci dan perolehan kerja dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Pembangunan, Bahagian Pengurusan Fasiliti. Walau bagaimanapun, objektif utama pelaksanaan pengurusan perolehan masih memastikan pulangan optimal akan diterima oleh PSM selaras dengan konsep *best value for money* serta diuruskan secara telus, adil dan berlandaskan kepada peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa serta Arahan Kewangan PSM.

Sepanjang tahun 2017, Unit Perolehan, Bahagian Kewangan telah berjaya mengurus dan melaksana perolehan Bekalan dan Perkhidmatan untuk keperluan PSM dengan nilai perolehan keseluruhan seperti di bawah:-

| PROSES PEMBELIAN | BILANGAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| SEBUT HARGA | 14 | 2,021,524.52 |
| TENDER | 9 | 8,369,658.40 |
| **JUMLAH KESELURUHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017** | **23** | **10,391,182.92** |

Jadual di bawah menunjukkan pecahan kategori pembelian bagi tahun 2017:-

| KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN SEBUT HARGA 2017 | NILAI SEBUT HARGA 2017 (RM) | BILANGAN TENDER 2017 | NILAI TENDER 2017 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| BEKALAN | 8 | 460,788.66 | 1 | 3,022,696.00 |
| PERKHIDMATAN | 6 | 1,560,735.86 | 8 | 5,346,962.40 |
| **JUMLAH** | **14** | **2,021,524.52** | **9** | **8,369,658.40** |

Jadual di bawah menunjukkan analisis perbandingan jumlah dan nilai sebut harga dan tender bagi tahun 2016 dan 2017:-

| PROSES PEMBELIAN | BILANGAN 2016 | JUMLAH 2016 (RM) | BILANGAN 2017 | JUMLAH 2017 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| SEBUT HARGA | 13 | 840,913.42 | 14 | 2,021,524.52 |
| TENDER | 6 | 2,495,757.28 | 9 | 8,369,658.40 |
| **SEBUT HARGA DAN TENDER** | **19** | **3,336,670.70** | **23** | **10,391,182.92** |

Daripada analisa di atas, terdapat peningkatan bilangan perolehan sebut harga bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak satu (1) sebut harga dan nilai perbezaan ialah sebanyak RM1,180,611.10 atau 140.40%. Peningkatan nilai sebut harga ini disebabkan perolehan yang dilaksanakan adalah lebih kepada sebut harga bernilai RM 100,000 hingga RM 500,000.00. Kebanyakan sebut harga yang dilaksanakan adalah untuk menaik taraf kemudahan KL Sports City dan pengurusan karnival semasa temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN 2017.

Bilangan tender yang dikeluarkan oleh Unit Perolehan, Bahagian Kewangan pada tahun 2017 meningkat kepada sembilan (9) tender berbanding enam (6) tender yang telah dikeluarkan pada tahun 2016. Nilai peningkatan tender pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah sebanyak RM5,873,901.12 atau 235.40 %. Tender yang telah dikeluarkan pada tahun 2017 lebih tertumpu kepada penyelenggaraan tetap bagi kompleks sukan di Perbadanan Stadium Malaysia dan pembekalan peralatan bagi temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Perbandingan bilangan dan jumlah keseluruhan bagi sebut harga dan tender bagi tahun 2016 dan tahun 2017 dapat ditunjukkan di dalam gambarajah seperti di bawah:-

### Sebut Harga dan Tender PSM Tahun 2016 dan Tahun 2017




## KAWALAN KREDIT

PSM sentiasa proaktif untuk terus memantau aliran hutang lama dan baharu PSM serta mengawal selia kes-kes mahkamah sehingga selesai dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya demi mengelakkan berlakunya hutang lapuk yang akan memberi kesan kepada pendapatan PSM.

Sepanjang tahun 2017, Cawangan Kawalan Kredit berjaya memperoleh kutipan hasil tertunggak dan hasil semasa sebanyak RM149,984,013. Hasil tertunggak merupakan kutipan tunggakan bagi hutang tahun 2016 dan sebelumnya yang berjaya dikutip pada tahun 2017. Manakala hasil semasa membawa maksud hutang tahun semasa iaitu tahun 2017 yang dikutip sepanjang tahun 2017. Jadual dan carta menunjukkan terdapat peningkatan pada jumlah kutipan hasil semasa dan tertunggak untuk tahun 2017 jika dibandingkan dengan kutipan hasil semasa dan tertunggak bagi tahun 2016.

### KLASIFIKASI KUTIPAN HASIL PERBADANAN STADIUM MALAYSIA BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

| TAHUN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| HASIL SEMASA | 4,017,029 | 3,426,572 | 4,203,763 | 4,233,351 | 145,360,021 |
| HASIL TERTUNGGAK | 2,196,718 | 581,253 | 1,320,648 | 2,219,180 | 4,623,992 |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | **6,213,747** | **4,007,825** | **5,524,411** | **6,452,531** | **149,984,013** |

Berdasarkan jadual di atas, terdapat pertambahan pada kutipan hasil semasa dan tertunggak untuk tahun 2017 jika dibandingkan dengan kutipan hasil semasa dan tertunggak bagi tahun 2016. Ini adalah kerana kebanyakan tunggakan hasil bagi tahun semasa iaitu bagi tahun 2017, dapat diselesaikan dengan cepat serta peningkatan kutipan hasil tertunggak kerana kebanyakan penghutang lama mula menjelaskan tunggakan masing-masing setelah tindakan melalui Ejen Kutipan Hutang yang dilantik oleh Perbadanan.

**Klasifikasi Kutipan Hasil Semasa dan Hasil Tertunggak PSM Bagi Tahun 2013-2017**



# PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Stadium Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717).

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Stadium Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Stadium Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* , saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Stadium Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Stadium Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Stadium Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Stadium Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**MOHD NASRI BIN MOHD NASIR**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 OGOS 2018

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

"Kami, **RAMONA BINTI MOHD RAZALI** dan **LUNG SAI MEI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Stadium Malaysia pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut".

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : **RAMONA BINTI MOHD RAZALI**

Gelaran : Pengerusi

Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh : 29 AUG 2018

Kuala Lumpur

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : **LUNG SAI MEI**

Gelaran : Ahli Lembaga Pengarah

Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh : 29 AUG 2018

Kuala Lumpur

## PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | NOTA | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | **5** | 8,345,142 | 10,575,008 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Penghutang Perniagaan | **6** | 22,641,564 | 4,090,856 |
| Pelbagai Penghutang | **7** | 15,762,347 | 696,983 |
| Deposit dan Prabayar | **8** | 110,658 | 115,397 |
| Belanja Terdahulu | | 603,600 | - |
| Bayaran Balik Cukai | **9** | 5,883,639 | 3,309,077 |
| Deposit, Bank dan Tunai Di Tangan | **18** | 2,506,686 | 54,627,731 |
| **JUMLAH ASET** | | 47,508,494 | 62,840,044 |
| | | **55,853,636** | **73,415,052** |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul | **10** | 17,633,737 | 42,353,559 |
| **TANGGUNGAN BUKAN SEMASA** | | | |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | **11** | 457,711 | 442,583 |
| Pendapatan Tertunda | **12** | 8,289,680 | 26,804,635 |
| | | 8,747,391 | 27,247,218 |
| **TANGGUNGAN SEMASA** | | | |
| Pelbagai Pemiutang | **13** | 16,326,954 | 47,251 |
| Perbelanjaan Terakru | **14** | 10,775,935 | 2,318,858 |
| Deposit Jaminan | **15** | 1,096,985 | 856,074 |
| Pendapatan Terdahulu | | 1,272,634 | 592,092 |
| | | 29,472,508 | 3,814,275 |
| **JUMLAH EKUITI DAN TANGGUNGAN** | | **55,853,636** | **73,415,052** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | NOTA | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | **16** | 62,276,390 | 31,360,931 |
| **Perbelanjaan** | | | |
| Bekalan Air, Elektrik Dan Pembentungan | | 8,219,394 | 5,747,448 |
| Emolumen | | 8,149,628 | 7,266,221 |
| Kemudahan Perhubungan | | 251,409 | 182,453 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | 34,938,029 | 7,789,505 |
| Membaiki Dan Mengubahsuai Stadium | | 10,888,052 | 1,653,341 |
| Pembaikan Dan Penyelenggaraan Stadium | | 14,627,902 | 9,968,712 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | | 4,086,201 | 1,802,320 |
| Susut Nilai | | 3,998,929 | 3,470,434 |
| Hapus Kira Hutang Lapuk | | 202,776 | 360,866 |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 1,533,962 | 836,160 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | | 28,592 | 97,719 |
| Rugi Atas Pelupusan Aset | | 13,934 | 426,087 |
| Cukai Input Tidak Boleh Dituntut | | 57,404 | - |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **(86,996,212)** | **(39,601,266)** |
| **Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai** | | (24,719,822) | (8,240,335) |
| **Perbelanjaan Cukai Pendapatan** | **17** | - | (6,572,585) |
| **Kurangan Pendapatan Selepas Cukai** | | **(24,719,822)** | **(14,812,920)** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | NOTA | KUMPULAN WANG TERKUMPUL | |
|---|---|---|---|
| | | **2017** | **2016** |
| | | **RM** | **RM** |
| Baki pada 1 Januari | | 42,353,559 | 57,166,479 |
| Kurangan Pendapatan Selepas Cukai | | (24,719,822) | (14,812,920) |
| Baki pada 31 Disember | **10** | **17,633,737** | **42,353,559** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | |
| Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai | (24,719,822) | (8,240,335) |
| Pelarasan-pelarasan yang tidak melibatkan pergerakan tunai: | | |
| Hapuskira hutang lapuk | 202,776 | 360,866 |
| Pendapatan daripada faedah diterima | (624,335) | (2,439,120) |
| Peruntukan hutang ragu | 1,533,962 | 836,160 |
| Rugi atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 13,934 | 426,087 |
| Susut nilai | 3,998,929 | 3,470,434 |
| Peruntukan manfaat pekerja | 28,592 | 97,719 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan Pada Tahun Semasa | (34,938,029) | (7,975,525) |
| **Rugi operasi sebelum perubahan dalam modal kerja** | (54,503,993) | (13,463,714) |
| Perubahan pada penghutang | (35,951,671) | (1,405,802) |
| Perubahan pada pemiutang | 25,644,769 | (1,820,124) |
| **Aliran tunai digunakan dalam operasi** | (10,306,902) | (3,225,926) |
| Bayaran cukai | (2,574,562) | (8,714,896) |
| Pendapatan daripada faedah diterima | 624,335 | 2,439,120 |
| **Tunai bersih digunakan dari aktiviti operasi** | (66,761,122) | (22,965,416) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Hasil Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | 6,920 | 2,155 |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (1,789,917) | (308,760) |
| Pelaburan Dalam Simpanan Tetap | 34,726,097 | 3,261,903 |
| **Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti pelaburan** | 32,943,100 | 2,955,298 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | |
| Geran Pembangunan Diterima | 16,423,074 | 4,686,020 |
| **Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti pembiayaan** | 16,423,074 | 4,686,020 |
| **Kurangan dalam tunai dan kesetaraan tunai** | (17,394,948) | (15,324,098) |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | 19,901,634 | 35,225,732 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **2,506,686** | **19,901,634** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun merangkumi:** | | |
| Simpanan Tetap Yang Mempunyai Tempoh Matang Tidak Melebihi 3 Bulan | - | 17,224,470 |
| Wang Di Tangan Dan Di Bank | 2,506,686 | 2,677,164 |
| | **2,506,686** | **19,901,634** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

## 1. PENUBUHAN DAN AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717) sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011.

Aktiviti utama PSM adalah sebagai pengurus dan pentadbir Kompleks Sukan Negara di bawah jagaannya. Perbadanan boleh atas apa-apa terma yang disifatkannya patut-

a) Membuat kontrak;
b) Memperoleh, membeli mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
c) Memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, memajakkan, menyerahhak semula, memindahkan atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan mana-mana harta alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada PSM.

Selain daripada aktiviti di atas PSM juga menjalankan aktiviti bercorak komersial yang dilaksanakan oleh entiti perniagaan iaitu penyewaan venue bagi penganjuran acara sukan dan bukan sukan. PSM juga telah menjalankan aktiviti penajaan mulai tahun 2017.

Alamat tempat urusan perniagaan adalah L2-E-10, Aras 2, Taman Teknologi Malaysia, Lebuhraya Puchong – Sg. Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.

Penyata Kewangan PSM dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 28 Ogos 2018 .

## 2. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN

Penyata Kewangan telah disediakan mengikut piawaian baru *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut kos sejarah kecuali ada dinyatakan pada Nota 3 Polisi Perakaunan.

## 3. POLISI PERAKAUNAN

### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan penurunan nilai harta.

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna hartanah, loji dan peralatan. Susut nilai dikira secara tahunan bagi tahun perolehan atau pembelian.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

| | **Kadar (%)** |
|---|---|
| Kenderaan | 20% |
| Peralatan Olahraga | 15% |
| Peralatan Pejabat | 10% |
| Perabot, Kelengkapan dan Perkakasan | 15% |
| Perkakasan dan Mesin | 20% |

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, anggaran usia guna dan kaedah susutnilai dikaji semula bagi apa-apa perubahan. Jika terdapat apa-apa perubahan, susut nilai aset akan disemak semula secara prospektif.

PSM telah mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi penyediaan akaun aset tetap PSM mulai perakaunan tahun berakhir 31 Disember 2008. Aset alih yang berharga perolehan RM2,000 ke bawah dianggap sebagai inventori.

### 3.2 Penghutang Perniagaan

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu diambil kira berdasarkan jumlah baki setiap penghutang apabila hutang tersebut mencapai tempoh enam bulan. Hutang lapuk yang dihapuskan dalam tahun ia dikenal pasti perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

### 3.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, deposit jangka pendek dan lain-lain jangka pendek, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dengan risiko perubahan dalam nilai. Ianya dipegang untuk memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank.

### 3.4 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu balasan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberikan.

### 3.5 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila PSM mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa lampau dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peruntukan diiktiraf berdasarkan anggaran yang munasabah dari jumlah obligasi.

### 3.6 Pendapatan

i. **Pendapatan Sewaan**
Pendapatan dari sewaan adalah berasaskan akruan mengikut perjanjian sewa.

ii. **Pendapatan Faedah Dan Dividen**
Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf berasaskan akruan.

iii. **Keuntungan Dari Pinjaman Kenderaan Dan Komputer**
Hasil keuntungan dari pinjaman kenderaan dan komputer dikira berasaskan baki pokok pinjaman setiap bulan.

iv. **Pendapatan Lain**
Penjualan/penyewaan barang dan perkhidmatan lain diiktiraf apabila barang dan perkhidmatan telah dihantar/diberikan kepada pelanggan.

### 3.7 Geran Kerajaan

Geran yang tidak mengenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu pada penerima diiktiraf sebagai pendapatan apabila hasil geran diterima.

Geran yang mengenakan syarat prestasi masa depan tertentu pada penerima diiktiraf sebagai pendapatan hanya apabila syarat prestasi dipenuhi.

Geran yang diterima tidak memenuhi syarat pengiktirafan pendapatan yang sempurna akan diiktiraf sebagai Pendapatan Tertunda (liabiliti).

Geran kerajaan diiktiraf dalam untung atau rugi secara sistematik sepanjang tempoh di mana kos yang berkaitan bagi bantuan yang bertujuan untuk mengimbangi diiktiraf sebagai perbelanjaan.

## 3.8 Kos Manfaat Pekerja

Kos manfaat pekerja adalah kos yang mana pekerja layak perolehi daripada perkhidmatan yang telah diberikan kepada entiti pada tempoh pelaporan ini dikeluarkan. Kos ini akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

Faedah pekerja jangka pendek (termasuk upah, gaji, caruman keselamatan sosial, pampasan ketidakhadiran jangka pendek, bonus, manfaat bukan kewangan, dan lain-lain) diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan. Faedah dijangka akan dibayar dalam pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja.

## 3.9 Cukai Pendapatan

PSM diberi pengecualian cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian adalah berkenaan dengan pendapatan berkanun PSM yang diperoleh dari punca pendapatan seperti berikut:

(i) Bantuan dan subsidi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri;

(ii) Fi yang diterima berkenaan dengan suatu amaun boleh cukai dan boleh kutip daripada mana-mana orang mengikut peruntukan Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963(Akta 433); dan

(iii) Derma sumbangan yang diterima.

## 3.10 Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkuatkuasa pada 1 April 2015. PSM merupakan badan berkanun yang berdaftar dengan GST dan tertakluk dengan Akta GST 2014. Implikasi GST terhadap PSM adalah seperti berikut:

(i) Cukai output

Setiap perkhidmatan yang diberikan oleh PSM adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%). Antara perkhidmatan yang disediakan oleh PSM adalah seperti penyewaan venue bagi penganjuran acara sukan dan bukan sukan, jualan tiket rekreasi dan jualan dokumen tender. PSM perlu membayar cukai output (6%) bagi setiap jualan yang dibuat.

(ii) Cukai input
PSM menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%). PSM boleh menuntut semula cukai input bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%) yang telah dibelanjakan.

## 4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan PSM bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan PSM adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada PSM bagi meminimumkan atau mengelak kerugian daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Pengurusan PSM bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalam, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

- **Risiko Tukaran Wang Asing**

  Walaupun PSM beroperasi hanya di Malaysia akan tetapi PSM terdedah kepada risiko tukaran wang asing ini kerana PSM menerima tempahan penggunaan venue dari seluruh dunia.

- **Risiko Kadar Faedah**

  PSM tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

- **Risiko Kredit**

  Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi aku janji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan PSM. PSM terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang.

  Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

## Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

PSM tidak memiliki profil hutang tetapi memiliki wang tunai dan aset yang boleh ditukarkan kepada wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

## 5- HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2017 | KOS | | | | SUSUT NILAI | | | | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada Awal Tahun RM | Pindahan/ Tambahan RM | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan RM | Pada Akhir tahun RM | Pada Awal Tahun RM | Caj Tahun Berkenaan RM | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan RM | Pada Akhir tahun RM | Nilai Buku Bersih RM |
| Kenderaan | 921,230 | - | - | 921,230 | 815,475 | 75,000 | - | 890,475 | 30,755 |
| Perkakasan Dan Mesin | 14,368,258 | 668,820 | (65,202) | 14,971,876 | 6,032,170 | 3,238,294 | (65,198) | 9,205,266 | 5,766,610 |
| Peralatan Pejabat | 4,198,040 | 995,489 | (86,936) | 5,106,593 | 2,506,605 | 440,521 | (66,632) | 2,880,494 | 2,226,099 |
| Peralatan Sukan Dan Olahraga | 2,316,505 | 125,608 | (20,653) | 2,421,460 | 1,875,012 | 245,114 | (20,107) | 2,100,019 | 321,441 |
| Perabot Kelengkapan Dan Perkakasan | 167,098 | - | - | 167,098 | 166,861 | - | - | 166,861 | 237 |
| | 21,971,131 | 1,789,917 | (172,791) | 23,588,257 | 11,396,123 | 3,998,929 | (151,937) | 15,243,115 | 8,345,142 |

| 2016 | KOS | | | | SUSUT NILAI | | | | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada Awal Tahun RM | Pindahan/ Tambahan RM | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan RM | Pada Akhir tahun RM | Pada Awal Tahun RM | Caj Tahun Berkenaan RM | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan RM | Pada Akhir tahun RM | Nilai Buku Bersih RM |
| Kenderaan | 921,230 | - | - | 921,230 | 740,473 | 75,002 | - | 815,475 | 105,755 |
| Perkakasan Dan Mesin | 14,264,848 | 107,210 | (3,800) | 14,368,258 | 3,225,670 | 2,810,299 | (3,799) | 6,032,170 | 8,336,088 |
| Peralatan Pejabat | 4,484,036 | 201,550 | (487,546) | 4,198,040 | 2,212,679 | 353,316 | (59,390) | 2,506,605 | 1,691,435 |
| Peralatan Sukan Dan Olahraga | 2,378,435 | - | (61,930) | 2,316,505 | 1,705,098 | 231,817 | (61,903) | 1,875,012 | 441,493 |
| Perabot Kelengkapan Dan Perkakasan | 320,159 | - | (153,061) | 167,098 | 319,864 | - | (153,003) | 166,861 | 237 |
| | 22,368,708 | 308,760 | (706,337) | 21,971,131 | 8,203,784 | 3,470,434 | (278,095) | 11,396,123 | 10,575,008 |

* Tanah dan bangunan bagi Kompleks Sukan adalah hak milik Kerajaan Persekutuan di mana pentadbiran dan pengurusannya adalah dibawah tanggungjawab Perbadanan Stadium Malaysia.

## 6- PENGHUTANG PERNIAGAAN

| | | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| Penghutang | | 24,456,612 | 5,072,796 |
| Tolak: | Peruntukan Hutang Ragu* | (1,815,048) | (981,940) |
| | | 22,641,564 | 4,090,856 |

*Peruntukan Hutang Ragu

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 981,940 | 358,873 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 1,612,732 | 2,375,698 |
| Baikpulih Hutang Ragu | (779,624) | (1,752,631) |
| Baki Pada 31 Disember | 1,815,048 | 981,940 |

Penghutang perniagaan tidak mempunyai faedah dan secara amnya mempunyai terma selama 30 hari (2016: 30 hari). Jumlah yang diiktiraf adalah jumlah pada inbois cukai yang asal tolak diskaun yang merupakan nilai wajarnya pada mulanya ia diiktiraf.

**Analisa pengusiaan penghutang perniagaan**

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Tidak melepasi 30 hari | 21,346,671 | 1,505,611 |
| Melepasi 30 hari dan tidak melepasi 60 hari | 88,777 | 396,084 |
| Melepasi 60 hari dan tidak melepasi 90 hari | 763,665 | 62,361 |
| Melepasi 90 hari | 442,451 | 2,126,800 |
| | 22,641,564 | 4,090,856 |

## 7- PELBAGAI PENGHUTANG

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman Kakitangan* | 81,040 | 144,880 |
| Penghutang Lain | 15,681,307 | 552,103 |
| | 15,762,347 | 696,983 |

| | | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| *Pinjaman Kakitangan: | | | |
| Baki Pada 1 Januari | | 144,880 | 184,563 |
| Tambah: | Pinjaman Komputer | 14,600 | 15,000 |
| | Pinjaman Kenderaan | 19,200 | - |
| | | 178,680 | 199,563 |
| Tolak: | Bayaran Balik Pinjaman Tahun Semasa | (97,640) | (54,683) |
| Baki Pada 31 Disember | | 81,040 | 144,880 |

| | | |
|---|---|---|
| Pinjaman Kakitangan terdiri daripada: | | |
| Pinjaman Komputer | 28,415 | 32,726 |
| Pinjaman Kenderaan | 52,625 | 112,154 |
| Jumlah Pinjaman | 81,040 | 144,880 |

**8- DEPOSIT DAN PRABAYAR**

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit | 109,397 | 109,397 |
| Prabayar | 1,261 | 6,000 |
| | 110,658 | 115,397 |

**9- BAYARAN BALIK CUKAI**

| | | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 3,309,077 | 1,166,766 |
| Tambah: | Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Tahun Semasa | 2,574,562 | 1,838,970 |
| | Terlebih Peruntuk Cukai Pendapatan Tahun Lepas | - | 303,341 |
| Baki pada 31 Disember | | 5,883,639 | 3,309,077 |

**10- KUMPULAN WANG TERKUMPUL**

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 42,353,559 | 57,166,479 |
| Kurangan Pendapatan Selepas Cukai | (24,719,822) | (14,812,920) |
| Baki pada 31 Disember | 17,633,737 | 42,353,559 |

**11- PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA**

| | | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 442,583 | 344,864 |
| Tambah: | Peruntukan Tahun Semasa | 28,592 | 97,719 |
| | | 471,175 | 442,583 |
| Tolak: | Kakitangan Bersara Tahun Semasa | (13,464) | - |
| Baki pada 31 Disember | | 457,711 | 442,583 |

*Peruntukan Manfaat Pekerja adalah peruntukan bagi ganjaran cuti rehat untuk kakitangan tetap.
Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh disimpan adalah sebanyak 150 hari.

## 12- PENDAPATAN TERTUNDA - GERAN PEMBANGUNAN

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 | 4,144,867 | 25,722,368 |
| Pakej Ransangan Ekonomi | - | 1,082,267 |
| Sukan SEA 2017 | 4,144,813 | - |
| | 8,289,680 | 26,804,635 |

12.1 GERAN PEMBANGUNAN - RANCANGAN MALAYSIA

12.1.1 GERAN PEMBANGUNAN - RANCANGAN MALAYSIA KE-9

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | 4,004,513 | 6,049,718 |
| Tambah: Tambahan Peruntukan Tahun Semasa | 1,723,074 | - |
| | 5,727,587 | 6,049,718 |
| Tolak: Geran Pembangunan Dilunaskan | | |
| i. Penyelenggaraan Rumput Padang KSNBJ dan Penukaran Rumput Serta Penyelenggaraan Padang Di Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari | (713,333) | (1,215,493) |
| ii. Pembayaran Juruperunding Bagi Projek Mengganti Turf Hoki di KSNJD | - | (19,275) |
| iii. Kerja Tambahan Bagi Projek Mengganti Turf Hoki di KSNJD | - | (39,981) |
| iv. Kerja-Kerja Penanaman Semula Rumput Bagi 4 Padang Cowgrass Di Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari | - | (407,266) |
| v. Bayaran Perunding Bagi Kerja-Kerja Meratakan Kawasan Extreme Park KSNBJ | - | (74,048) |
| vi. Bayaran Perunding Bagi Kerja-Kerja Pengubahsuaian Pusat Skuasy dan Lain-Lain Kerja Berkaitan KSNJD | (77,221) | (289,142) |
| Jumlah Geran Pembangunan Dilunaskan | (790,554) | (2,045,205) |
| | 4,937,033 | 4,004,513 |
| Tolak: Pindahan Peruntukan | | |
| i. Pindahan Peruntukan ke Geran Pembangunan Sukan SEA 2017 | 2,661,248 | - |
| **Baki pada 31 Disember** | 2,275,785 | 4,004,513 |

12.1.2 GERAN PEMBANGUNAN - RANCANGAN MALAYSIA KE-10

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | 21,717,855 | 22,962,155 |
| Tambah: Tambahan Peruntukan Tahun Semasa | 5,000,000 | 4,686,020 |
| | 26,717,855 | 27,648,175 |
| Tolak: Geran Pembangunan Dilunaskan | | |
| i. Kerja-Kerja Mengganti Turf di KSNJD | - | (179,908) |
| ii. Kerja-Kerja Mengganti Trek Di KSNSA (Panasonic) | (117,794) | (2,319,046) |
| iii. Kerja-Kerja Pengubahsuaian Pusat Skuasy dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di KSNJD | - | (3,431,366) |
| iv. Penukaran Bumbung Membrane Pusat Akuatik Nasional Dan Laluan Pejalan Kaki KSNBJ | (19,506,400) | - |
| Jumlah Geran Pembangunan Dilunaskan | (19,624,194) | (5,930,320) |
| | 7,093,661 | 21,717,855 |
| Tolak: Pindahan Peruntukan | | |
| i. Pindahan Peruntukan ke Geran Pembangunan Sukan SEA 2017 | (5,224,579) | - |
| **Baki pada 31 Disember** | **1,869,082** | **21,717,855** |
| **Jumlah Keseluruhan** | **4,144,867** | **25,722,368** |

12.2 GERAN PEMBANGUNAN - PAKEJ RANSANGAN EKONOMI

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 1,082,267 | 1,082,267 |
| Tambah: Tambahan Peruntukan Tahun Semasa | - | - |
| | 1,082,267 | 1,082,267 |
| Tolak: Pindahan Peruntukan | | - |
| i. Pindahan Peruntukan ke Geran Pembangunan Sukan SEA 2017 | (1,082,267) | - |
| | (1,082,267) | - |
| **Baki pada 31 Disember** | **-** | **1,082,267** |

12.3 GERAN PEMBANGUNAN - SUKAN SEA 2017

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | - | - |
| Tambah: | | |
| Peruntukan Tahun Semasa | 9,700,000 | |
| Rancangan Malaysia Ke-9 | 2,661,248 | - |
| Rancangan Malaysia Ke-10 | 5,224,579 | - |
| Pindahan Peruntukan Pakej Ransangan Ekonomi | 1,082,267 | - |
| | 18,668,094 | - |

| | | |
|---|---|---|
| Tolak: Geran Pembangunan Dilunaskan | | |
| i. Menaiktaraf Gelanggang Tenis, Gantian Bumbung Serta Kerja Baikpulih Asrama KSNJD | (3,011,369) | - |
| ii. Penambahan Bumbung Kepada Padang A Sedia Ada Dan Kerja Membaikpulih Bangunan Sedia Ada: Padang A, B Dan C, Gelanggang Bola Jaring, Bangunan Rumah Kelab Bangunan Utiliti Dan Stadium Juara KSNBK | (6,950,000) | - |
| iii. Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Pusat Skuasy Nasional KSNBJ | (4,561,912) | - |
| Jumlah Geran Pembangunan Dilunaskan | (14,523,281) | - |
| **Baki pada 31 Disember** | **4,144,813** | - |

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja operasi projek seperti kehendak MPERS 24.

## 13- PELBAGAI PEMIUTANG

| | **2017** | **2016** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Jumlah pelbagai pemiutang sehingga 31 Disember | | |
| i. Akaun Kawalan CBP | - | 44,210 |
| ii. Wang Tak Dituntut | 27,761 | 2,346 |
| iii. Lain-Lain | 16,299,193 | 695 |
| | 16,326,954 | 47,251 |

Bagi lain-lain pemiutang, terdapat bayaran komitmen berjumlah RM600,000 kepada syarikat WSL MSC Sdn Bhd bagi penyelenggaraan LED *Scoreboard* selama tiga (3) tahun.

## 14- PERBELANJAAN TERAKRU

| | **2017** | **2016** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Penyelenggaraan tetap | 3,485,416 | 1,052,986 |
| Pembaikan Stadium | 5,314,877 | 1,109,451 |
| Belanja Pentadbiran | 574,412 | 156,421 |
| Utiliti | 1,401,230 | - |
| | 10,775,935 | 2,318,858 |

## 15- DEPOSIT JAMINAN

| | **2017** | **2016** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Deposit Jaminan | 834,238 | 653,237 |
| Wang Tahanan | 262,747 | 202,837 |
| | 1,096,985 | 856,074 |

## 16- PENDAPATAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Sewa Stadium Dan Pelbagai | 2,104,912 | 2,183,947 |
| Sewa Gerai, Kiosk & Pusat Penjaja | 2,859,659 | 2,719,772 |
| Penajaan | 6,830,529 | - |
| Terimaan Balik Bayaran Elektrik | 3,399,744 | 1,091,793 |
| Terimaan Balik Air/Pembentungan | 127,043 | 106,534 |
| Kutipan Rekreasi | 287,644 | 239,401 |
| Sewa Kemudahan Dan Peralatan | 108,432 | 155,849 |
| Pelbagai Pendapatan | 2,996,063 | 2,763,610 |
| Geran Mengurus | 8,000,000 | 11,871,400 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan -RMK-9 dan RMK-10 | 20,414,748 | 7,789,505 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan - Sukan SEA 2017 | 14,523,281 | - |
| Terimaan Faedah | 624,335 | 2,439,120 |
| | 62,276,390 | 31,360,931 |

Perbadanan Stadium Malaysia mempunyai pendapatan baru mulai tahun 2017 iaitu hasil daripada penajaan.

## 17- PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Peruntukan Cukai Tahun Semasa | - | - |
| Terkurang Peruntuk Tahun 2006-2010 | - | 6,875,926 |
| Terlebih Peruntuk Tahun Lepas | - | (303,341) |
| Jumlah Cukai Pendapatan Tahun Semasa | - | 6,572,585 |

## 18- DEPOSIT, BANK DAN TUNAI DI TANGAN

| | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Simpanan Tetap Yang Mempunyai Tempoh Matang Tidak Melebihi 3 Bulan | - | 17,224,470 |
| Wang Di Tangan Dan Di Bank | 2,506,686 | 2,677,164 |
| | 2,506,686 | 19,901,634 |
| Simpanan Tetap Yang Mempunyai Tempoh Matang Melebihi 3 Bulan | - | 34,726,097 |
| | 2,506,686 | 54,627,731 |

## 20- PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Pengurusan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Ganjaran | 418,072 | 530,259 |
| Jumlah Ahli Lembaga | 16 | 14 |

## 21- LUAR JANGKA

Butiran dan anggaran liabiliti kontingen adalah seperti berikut:

**a) Liabiliti Luar Jangka**

Tuntutan ganti rugi telah dibuat oleh syarikat Red Fiesta kepada PSM dalam tahun kewangan semasa bagi kos ubahsuai restoran. Nilai maksimum tuntutan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga PSM adalah sebanyak RM1,200,000. PSM juga berhak untuk tidak membayar keseluruhan amaun tuntutan yang telah diluluskan. Jumlah tuntutan yang akan dibayar oleh PSM adalah mengikut kos ubahsuai sebenar yang dibayar oleh pihak syarikat.

## 22- ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula di mana perlu disesuaikan persembahan tahun semasa.

# DIREKTORI

## PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

L2-E-10, Enterprise 4
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong – Sg. Besi
57000 Bukit Jalil
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**No. Tel:** 03 8992 0888
**No. Faks:** 03 8994 4663

## KL SPORTS CITY

Pejabat Kuala Lumpur Sports City
Dataran Axiata Arena
Kuala Lumpur Sports City, Bukit Jalil
57700 Sri Petaling
KUALA LUMPUR

**No. Tel:** 03 8999 5255

## KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA

Jalan Bukit Kiara 1
60000 Bukit Kiara
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**No. Tel:** 03 2095 4209
**No. Faks:** 03 2092 3718

## KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (PANASONIC)

Lot 4, Persiaran Perkilangan
Seksyen 21
40200 Shah Alam
SELANGOR

**No. Tel:** 03 5541 6933
**No. Faks:** 03 5541 6930

## KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA

Pusat Skuasy & Kompleks Tenis
Jalan Duta
50480 Jalan Duta
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**No. Tel:** 03 6201 0560 / 6211 4829
**No. Faks:** 03 6201 3015

## PUSAT KECEMERLANGAN AKUATIK KUCHING, SARAWAK

Jabatan Belia & Sukan Sarawak
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce
92350 Kuching
SARAWAK

**No. Tel:** 082 424 660
**No. Faks:** 082 424660

## AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA MOKHTAR DAHARI

Jalan Gambang 10
26300 Gambang, Kuantan
PAHANG

**No. Tel:** 09 5486209
**No. Faks:** 09 5486213

## KOMPLEKS SUKAN SETIAWANGSA

Jalan 6/27A, Lot 1144
Seksyen 6, Wangsa Maju
53300 KUALA LUMPUR

**No. Tel:** 03 4142 0082

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**L2-E-10, Enterprise 4**
**Technology Park Malaysia**
**Lebuhraya Puchong - Sg. Besi**
**57000 Bukit Jalil**
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
**No. Tel: 03 8992 0888**
**No. Faks: 03 8994 4663**
**Laman web: www.stadium.gov.my**
**Facebook: Perbadanan Stadium Malaysia**
**Instagram: @stadiummalaysia_official**
**Twitter: @StadiumMalaysia**